Namun, ini bukanlah pemulihan menyeluruh bagi industri. Hanya 13 transaksi bernilai AS$10 bilion atau lebih menyumbang 69% daripada pertumbuhan keseluruhan nilai urus niaga pada 2025.[1] Lebih ketara lagi, jumlah keseluruhan transaksi merosot 6% tahun ke tahun kepada 3,018 transaksi, iaitu paras terendah dalam tempoh sedekad, manakala saiz urusniaga secara purata mencapai tahap tertinggi dalam sejarah sebanyak AS$1.2 bilion.[1]

Komposisi urus niaga mega ini turut merumitkan gambaran. Dalam beberapa transaksi terbesar tahun tersebut, termasuk pengambilalihan persendirian Electronic Arts bernilai AS$56.6 bilion yang merupakan pengambilalihan terbesar dalam sejarah (rujuk gambarajah di bawah), sebahagian besar modal ekuiti datang daripada dana kekayaan negara dan pelabur bersama korporat, bukannya dana ekuiti persendirian.[1] Dana tersedia untuk dilaburkan bagi urus niaga pengambilalihan kekal hampir pada paras rekod sebanyak AS$1.3 trilion, menunjukkan industri masih memegang modal yang belum dapat dilaburkan pada penilaian harga yang munasabah.

Aliran tunai yang dipulangkan kepada rakan kongsi terhad (LP) sebagai peratusan nilai aset bersih yang lazimnya berada pada 25–30% dalam kitaran sihat, kekal mendatar pada hanya 14% pada 2025, paras yang tidak dilihat sejak krisis kewangan global, dan selama empat tahun berturut-turut berada di bawah norma jangka panjang.[1] Dengan anggaran 32,000 syarikat bernilai AS$3.8 trilion masih belum direalisasikan daripada portfolio pengambilalihan, serta tempoh pegangan yang meningkat menghampiri tujuh tahun secara purata, memulihkan aliran modal kembali kepada pelabur, kekal sebagai cabaran paling mendesak bagi industri.[1]

Asia Tenggara: Pasaran yang Lebih Selektif

Pasaran ekuiti persendirian di Asia Tenggara mencerminkan trend global, namun secara lebih ketara. Selepas pemulihan kukuh pada 2024, apabila nilai urus niaga meningkat 60% kepada AS$16 bilion susulan tempoh kelembapan berbilang tahun,[2] rantau ini mengalami penyusutan ketara pada 2025, dengan jumlah nilai urus niaga ekuiti persendirian merosot kepada AS$9.1 bilion merentasi 59 transaksi.[3] Hanya empat urus niaga melebihi AS$1 bilion, berbanding lapan pada 2024.

Sumber

1 *Bain & Company, Global Private Equity Report 2026 (2026)*
2 *EY, Southeast Asia Private Equity Pulse: 2024 Year-in-Review (2025)*
3 *EY, Southeast Asia Private Equity Pulse: 2025 Year-in-Review (2026)*

Penyata Bersama Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif

Aliran modal kekal tertumpu di pasaran yang lebih matang di rantau ini, mencerminkan kecenderungan pelabur terhadap kecairan dan kebolehjangkaan dalam pelaksanaan undang-undang dalam tempoh ketidaktentuan makroekonomi. Infrastruktur digital muncul sebagai sektor paling menonjol di seluruh rantau, mewakili 42% daripada jumlah pelaburan ekuiti persendirian, didorong oleh pembangunan pusat data berkaitan AI di pasaran yang mempunyai kelebihan dari segi tanah, bekalan tenaga dan kesalinghubungan.[3] Dari segi pengumpulan dana, rantau ini mencatat perkembangan yang amat memberangsangkan, dengan penutupan 10 dana yang berjaya mengumpulkan AS$4.6 bilion, meningkat 97% tahun ke tahun, apabila pengurus global menunjukkan keyakinan berterusan terhadap prospek pertumbuhan struktur jangka panjang Asia Tenggara.[3]

Perspektif Sejarah

Selama kira-kira satu dekad selepas krisis kewangan global, industri ekuiti persendirian beroperasi dalam keadaan yang hampir ideal. Kadar faedah hampir sifar menjadikan pembiayaan pengambilalihan berleveraj murah, peningkatan berterusan dalam gandaan penilaian menyebabkan nilai aset meningkat hampir secara automatik, dan pelabur institusi yang kekurangan pulangan menyalurkan modal dalam jumlah besar ke dalam kelas aset ini. Dari segi jumlah modal, pelabur ekuiti persendirian menjana kira-kira tiga kali ganda lebih banyak kekayaan berbanding pelaburan setara dalam pasaran awam sepanjang tempoh tersebut.[4]

Lebih daripada separuh pulangan pengambilalihan dalam era ini berpunca daripada penggunaan leveraj dan peningkatan gandaan penilaian, bukannya penambahbaikan sebenar dalam perniagaan asas.[5] Apabila Rizab Persekutuan Amerika Syarikat menaikkan kadar faedah daripada hampir sifar kepada melebihi 5% pada 2022–2023 iaitu kitaran kenaikan kadar faedah terpantas dalam tempoh 4 dekad, pemangkin ini bertukar menjadi tekanan.

Kesannya adalah ketara. Sepanjang dekad lalu, indeks S&P 500 telah menyamai atau melebihi pulangan median pengambilalihan di Amerika Syarikat, sekali gus menghapuskan jurang prestasi yang sekian lama diyakini oleh rakan kongsi terhad (LP).[1] Ekuiti persendirian, yang sebelum ini terkenal dengan keupayaan mengatasi prestasi pasaran awam secara konsisten, kini perlu menjana nilai operasi yang sebenar dan menunjukkan laluan pulangan yang lebih jelas.

Risiko "Black Swan"

Senario asas menjelang 2026 adalah berwaspada tetapi konstruktif. Saluran urus niaga adalah kukuh, tekanan untuk melaburkan dana sedia ada semakin meningkat, dan pasaran awam dilihat menawarkan lebih banyak peluang untuk pelupusan berbanding tahun-tahun kebelakangan ini.[1]

Walau bagaimanapun, senario ini semakin rumit akibat perkembangan geopolitik yang kesannya belum diambil kira sepenuhnya pada penghujung tahun lalu. Peningkatan konflik ketenteraan antara Amerika Syarikat dan Iran, serta ketidakstabilan yang timbul darinya secara lebih luas di Timur Tengah, merupakan risiko baharu yang signifikan kepada aktiviti ekuiti persendirian global pada 2026.

Kesan terhadap ekuiti persendirian akan dirasai terutamanya melalui kenaikan harga tenaga dan peningkatan semula jangkaan inflasi.

Gangguan berterusan terhadap aliran trafik melalui Selat Hormuz, yang dilalui oleh kira-kira 20% bekalan minyak global, akan mendorong peningkatan ketara harga minyak mentah dan mencetuskan semula tekanan inflasi, pada ketika bank pusat di Amerika Syarikat dan Eropah sedang mempertimbangkan untuk menurunkan kadar faedah.

Sekiranya Rizab Persekutuan terpaksa menangguhkan atau membatalkan penurunan kadar tersebut, kos pembiayaan pengambilalihan berleveraj akan kekal tinggi, jurang penilaian antara pembeli dan penjual akan berterusan, dan tempoh pelupusan akan menjadi lebih panjang.

Penilaian kekal sebagai satu lagi isu yang masih belum diselesaikan. Hampir 80% rakan kongsi am (GP) yang ditinjau oleh Bain & Company menjangkakan gandaan urus niaga akan kekal mendatar pada 2026.[1] Walaupun dalam senario makroekonomi yang paling optimistik, menjana pulangan yang memuaskan memerlukan penambahbaikan operasi yang sebenar dalam syarikat portfolio.

URUS NIAGA EKUITI PERSENDIRIAN UTAMA 2025

Electronic Arts, AS — US$56.6 bilion

Diumumkan pada September 2025

Pembangun permainan video, Electronic Arts, telah diambil alih secara persendirian oleh konsortium yang diterajui oleh Silver Lake, Affinity Partners, dan Dana Pelaburan Awam Arab Saudi. Urus niaga ini menggambarkan bagaimana dana kekayaan berdaulat membentuk semula struktur pengambilalihan, dengan firma ekuiti persendirian semakin berperanan sebagai perancang dan penyusun urus niaga berbanding penyedia modal utama.

Aligned Data Centers, AS — US$40 bilion

Diumumkan pada Oktober 2025

Penjualan Aligned oleh Macquarie kepada BlackRock dan konsortium syarikat teknologi merupakan pelupusan terbesar pada tahun 2025. Pusat data dengan aliran hasil berkontrak jangka panjang telah menjadi kelas aset paling kompetitif dalam ekuiti persendirian di seluruh dunia. Trend ini semakin ketara di Asia Tenggara, di mana pasaran seperti Singapura dan Johor telah menarik aliran modal yang signifikan.

York Holdings, Jepun — US$5.4 bilion

Diumumkan pada Mac 2025

Bain Capital yang berpangkalan di Amerika Syarikat telah memperoleh York Holdings daripada Seven & i Holdings, konglomerat Jepun yang terkenal dengan operasi rangkaian kedai serbaneka 7-Eleven di seluruh dunia. Jepun merupakan pasaran ekuiti persendirian paling menonjol di Asia pada 2025, didorong oleh tekanan berterusan daripada pemegang saham dan keperluan tadbir urus, serta kesediaan syarikat untuk melupuskan perniagaan bukan teras kepada pembeli ekuiti persendirian yang bersedia melaksanakan transformasi dan mewujudkan nilai tambah. Urus niaga ini tergolong antara empat pengambilalihan ekuiti persendirian terbesar dalam sejarah Jepun.

Sumber

1 *Bain & Company, Global Private Equity Report 2026 (2026)*
3 *EY, Southeast Asia Private Equity Pulse: 2025 Year-in-Review (2026)*
4 *Hamilton Lane, Private Markets Review 2025 (2025)*
5 *MSCI Private Capital Solutions; Bain analysis, as cited in Bain Global Private Equity Report 2026*

Pelarasan Semula Kredit Persendirian Amerika Utara Bukan Kejutan Global

Kredit persendirian, yang secara umum ditakrifkan sebagai pinjaman oleh institusi bukan bank secara langsung kepada syarikat, telah menjadi salah satu tema pertumbuhan paling signifikan dalam pembiayaan alternatif sepanjang dekad lalu. Peraturan kewangan pasca-krisis 2008 telah menghalang bank daripada memberikan pembiayaan kepada peminjam yang lebih berisiko, sekali gus mewujudkan jurang yang segera diisi oleh pemberi pinjaman swasta. Pasaran kredit persendirian, yang sebahagian besarnya berpusat di Amerika Utara, berkembang kepada AS$3.4 trilion pada 2025 dan dijangka mencapai AS$5 trilion menjelang 2029.[6]

Pengembangan pesat ini turut mendedahkan beberapa kelemahan struktur yang sebelum ini kurang ketara. Beberapa kegagalan korporat yang berlaku secara berasingan pada penghujung tahun 2025 berkembang menjadi pembetulan pasaran yang lebih meluas pada awal tahun 2026, memaksa beberapa Syarikat Pembangunan Perniagaan (BDCs) berprofil tinggi yang menyalurkan modal pelabur sebagai pinjaman untuk syarikat swasta bersaiz kecil dan sederhana, mengurangkan pembayaran dividen serta mengehadkan penebusan pelaburan.[1]

Penting untuk ditekankan bahawa tiada tanda kesan limpahan negatif daripada pasaran kredit persendirian Amerika Utara ke Asia Tenggara. Kredit persendirian di rantau ini masih berada pada peringkat awal pembangunan, dengan struktur institusi yang sebahagian besarnya disokong oleh institusi kewangan pembangunan serta sebilangan kecil pengurus serantau.

Pasaran kredit persendirian di rantau ini juga tidak mengalami kitaran pemberian pinjaman agresif seperti pada 2021 dan 2022 yang kini berada di bawah tekanan di Amerika Utara, mahupun pertumbuhan pesat instrumen pelaburan runcit separa cair yang menjadi punca ketidaktentuan kebelakangan ini. Asas ekonomi Malaysia kekal kukuh, menyediakan laluan kepada syarikat-syarikat kecil untuk berkembang serta menawarkan potensi pulangan yang mampan kepada pemberi pinjaman melalui amalan pembiayaan yang berdisiplin dan bertanggungjawab.



LANDSKAP EKUITI PERSENDIRIAN MALAYSIA PADA 2025

Tahun 2025 melihat prestasi ekonomi yang kukuh, namun risiko global mencabar prospek masa hadapan.

Malaysia merupakan antara ekonomi yang prestasinya antara yang terbaik di Asia Tenggara pada 2025. Pertumbuhan KDNK bagi keseluruhan tahun mencatat 5.2%, dengan sektor perkhidmatan dan pembuatan menerajui dari sisi penawaran, manakala penggunaan swasta dan pelaburan tetap menjadi pemacu utama permintaan.

Penggunaan swasta berkembang 5.3% pada suku keempat, disokong oleh pasaran buruh yang stabil, kenaikan gaji penjawat awam, serta pemindahan tunai isi rumah yang disasarkan.[7]

Sektor elektrik dan elektronik mencatat pengembangan kukuh sepanjang tahun, dengan jualan produk E&E meningkat 12.6% tahun ke tahun, didorong oleh permintaan semikonduktor yang kukuh berkaitan kecerdasan buatan dan pelaburan pusat data.[8] Pelaburan langsung asing kekal positif dengan aliran masuk bersih sebanyak RM8.5 bilion direkodkan pada suku ketiga. Nilai ringgit kekal sekitar RM4.21 berbanding dolar Amerika Syarikat, menjadikannya antara mata wang paling stabil di Asia sepanjang tahun yang penuh ketidaktentuan.[7]

Inflasi kekal terkawal pada 1.3%, manakala Bank Negara Malaysia mengekalkan kadar dasar semalaman pada 2.75%, sekali gus menyediakan persekitaran monetari yang stabil bagi aktiviti pelaburan.

Mengharungi Kejutan Tarif

Gangguan luaran paling signifikan pada tahun ini berlaku pada bulan April, apabila Amerika Syarikat mengenakan tarif timbal balas yang meluas ke atas rakan dagang sebagai sebahagian daripada pelarasan semula perdagangan sempena *Liberation Day*. Malaysia pada awalnya dikenakan kadar tarif sebanyak 24%, yang telah disemak turun daripada kadar ancaman awal sebanyak 47%.[9]

Kejutan ini menyebabkan indeks FBM KLCI jatuh ke paras terendah dalam tempoh 21 bulan serta meningkatkan kebimbangan jangka pendek terhadap sektor berkaitan eksport Malaysia, khususnya industri elektronik dan semikonduktor.



Sumber

1 *Bain & Company, Global Private Equity Report 2026 (2026)*
6 *Morgan Stanley, Understanding Private Credit's Rapid Growth, Oktober 2025*
7 *Bank Negara Malaysia, Economic and Financial Developments Q3 and Q4 2025 (2025)*
8 *Department of Statistics Malaysia, GDP Full Year 2025 (2026)*
9 *United States Trade Representative, Fact Sheet: US-Malaysia Agreement on Reciprocal Trade, Oktober 2025*

Penyata Bersama Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif

Menjelang Oktober, Malaysia telah merundingkan Perjanjian Perdagangan Timbal Balas (Agreement on Reciprocal Trade) dua hala dengan Amerika Syarikat, yang ditandatangani semasa Sidang Kemuncak ASEAN di Kuala Lumpur pada 26 Oktober 2025. Perjanjian tersebut menetapkan kadar asas tarif sebanyak 19% serta menjamin layanan tarif sifar bagi lebih 1,700 senarai tarif.

Walau bagaimanapun, pengaturan ini kemudiannya dibatalkan pada awal 2026 selepas keputusan Mahkamah Agung Amerika Syarikat membatalkan asas perundangan bagi rejim tarif timbal balas tersebut, sekali gus mengembalikan negara-negara terlibat, termasuk Malaysia, kepada keadaan ketidaktentuan dalam terma perdagangan dengan Amerika Syarikat.[10]

Pasaran Ekuiti Awam yang Hambar

Walaupun asas makroekonomi kekal kukuh, pasaran ekuiti awam Malaysia mencatat prestasi yang lemah berbanding rakan serantau. Indeks FBM KLCI hanya mencatat kenaikan sederhana sebanyak 1.4% bagi tahun 2025, menjadikannya indeks ketiga paling lemah di rantau ini, selepas Thailand dan Filipina.[11]

Penyenaraian awam Orkim di Papan Utama Bursa Malaysia pada penghujung tahun telah menongkah trend umum di mana kebanyakan penyenaraian baharu didagangkan di bawah harga terbitan, sekali gus menjadi salah satu titik terang yang jarang berlaku dalam tahun yang hambar bagi pasaran saham.[12]

Bursa Malaysia merekodkan 60 penyenaraian pada tahun 2025, dan kejayaan Orkim menunjukkan bahawa saluran IPO domestik masih berfungsi sebagai laluan saluran keluar pelaburan yang berkesan bagi ekuiti persendirian, walaupun di tahun KLCI mencatat prestasi lebih lemah. Dalam persekitaran di mana penilaian urus niaga dagangan tertekan akibat ketidaktentuan makroekonomi, fungsi IPO sebagai saluran keluar pelaburan ekuiti persendirian menjadi elemen yang penting.

Prestasi lemah pasaran awam turut mengekalkan daya tarikan relatif pelaburan ekuiti persendirian. Apabila pasaran awam mencatat pulangan dua digit, premium ketidakcairan persendirian menjadi semakin tertekan. Sebaliknya, dalam tahun apabila pasaran ekuiti ketinggalan berbanding rakan serantau, nilai yang ditawarkan oleh ekuiti persendirian menjadi lebih menarik kepada pelabur.

Aktiviti Ekuiti Persendirian

Pada tahun 2025, urus niaga ekuiti persendirian di negara ini mencerminkan pendekatan serantau yang berwaspada, dengan pengurus dana menumpukan perhatian kepada perniagaan yang mempunyai pemacu hasil domestik serta mengelakkan sektor berkaitan eksport yang terdedah kepada ketidaktentuan tarif. Aktiviti dalam segmen pasaran pertengahan kekal stabil, dengan sektor pengguna, penjagaan kesihatan dan perindustrian menjadi kategori paling aktif, di samping minat yang semakin meningkat terhadap infrastruktur digital dan pendidikan.[14]

Pasaran ekuiti persendirian Malaysia kekal berbeza dari segi struktur berbanding landskap Asia Tenggara yang lebih luas. Sebahagian besar aktiviti urus niaga didorong oleh sebilangan kecil pengurus dana domestik yang telah mantap, di samping peningkatan jumlah dana serantau yang mempunyai pendedahan khusus terhadap Malaysia.

Peranan aktif kerajaan merupakan ciri yang membezakan pasaran ini. Inisiatif GEAR-uP oleh Kementerian Kewangan telah menyaksikan enam (6) Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) utama melaksanakan pelaburan langsung domestik berjumlah RM25 bilion bagi tahun 2025 sahaja, dengan RM11 bilion daripadanya telah dilaburkan menjelang pertengahan tahun merangkumi sektor semikonduktor, peralihan tenaga, serta syarikat pertumbuhan yang disokong ekuiti persendirian.[15]

Perkembangan ini mewujudkan saluran berstruktur bagi aliran urus niaga dan peluang pelaburan bersama, di samping membentuk laluan keluar strategik untuk menyokong objektif ekonomi negara yang lebih luas (rujuk rajah mengenai sumbangan Ekuinas kepada pembangunan negara di muka surat 40).

Tinjauan: Mengharungi Risiko Geopolitik Global

Malaysia memasuki tahun 2026 dengan kelebihan dari segi struktur, yang bermakna. Agenda GEAR-uP melihat pelaburan dilaksanakan pada skala signifikan, manakala Dana Pemacu KWAP bernilai RM6 bilion mula dilaburkan pada suku ketiga 2025 merangkumi ekuiti persendirian, infrastruktur dan hartanah.[13] Zon Ekonomi Khas Johor–Singapura terus menarik pelaburan infrastruktur digital, dan rangka kerja dasar kerajaan yang berteraskan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 serta Pelan Strategik Semikonduktor Negara menyediakan pelan hala tuju sektor yang jelas bagi pembangunan industri.

Risiko jangka pendek utama kepada ekonomi Malaysia adalah geopolitik. Peningkatan konflik ketenteraan antara Amerika Syarikat dan Iran, serta tindakan balas terhadap pangkalan tentera Amerika Syarikat di negara-negara Teluk, telah menimbulkan ketidaktentuan yang ketara dalam pasaran minyak global. Penutupan Selat Hormuz yang dilalui oleh kira-kira 20% penggunaan minyak dan petroleum global, berpotensi memberikan kesan yang berpanjangan terhadap harga minyak dunia.[16]

Sebagai pengeksport bersih minyak dan gas, Malaysia berpotensi mendapat manfaat daripada harga minyak mentah yang lebih tinggi melalui peningkatan hasil fiskal serta sokongan jangka pendek kepada ringgit. Namun begitu, kenaikan harga yang mendadak akan meningkatkan beban subsidi bahan api kerajaan secara ketara, sekali gus memberi tekanan langsung kepada kedudukan fiskal. Kejutan harga yang berpanjangan juga berisiko mencetuskan semula inflasi domestik serta mengehadkan fleksibiliti Bank Negara dalam melonggarkan dasar monetari bagi menyokong pertumbuhan.

Sumber

10 *IDN Financials; East Asia Forum, "The ART of the deal lost in US-Malaysia pact", Disember 2025*
11 *KLSE Screener, "Market Recap: Bursa Malaysia's biggest winners and losers in 2025", Januari 2026*
12 *The Edge Malaysia, "Orkim prices Main Market IPO at 92 sen", November 2025*
13 *The Star, "Orkim IPO exemplifies GEAR-uP success", Disember 2025*
14 *Chambers and Partners, Private Equity 2025: Malaysia (2025)*
15 *Ministry of Finance Malaysia, GEAR-uP Progress Report, Jun 2025*
16 *RAM Ratings, "Resilient economy underpins 2026 outlook, but current headwinds may weigh on upside", Februari 2026*

Keadaan tarif menambah ketidaktentuan. Pembatalan Perjanjian Perdagangan Timbal Balas (ART) pada awal 2026 telah mengembalikan hubungan perdagangan Malaysia dengan Amerika Syarikat iaitu rakan eksport kedua terbesar negara, kepada keadaan yang tidak menentu. Di samping itu, sektor semikonduktor yang menyumbang sebahagian besar eksport pembuatan Malaysia berdepan dengan potensi penambahan tarif di bawah Seksyen 232 Akta Perluasan Perdagangan Amerika Syarikat 1962.[10]

Bagi ekuiti persendirian secara khusus, landskap ini menunjukkan peluang yang lebih terpilih dalam persekitaran risiko yang semakin kompleks. Dalam persekitaran ini, pulangan akan semakin bergantung kepada pemilihan pelaburan yang berdisiplin, penciptaan nilai operasi yang mampan, serta keupayaan untuk mengemudi ketidaktentuan geopolitik.



SOROTAN PRESTASI 2025

Menjana pulangan di tengah-tengah transformasi.

Tahun 2025 menandakan permulaan fasa baharu bagi Ekuinas. Aliff Omar Mohamad Omar telah mengambil alih kepimpinan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, seiring dengan penyempurnaan peralihan Ekuinas menjadi anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) pada Julai 2025. Perubahan struktur ini membawa peluang yang lebih besar untuk Ekuinas mencapai dwi mandatnya, iaitu menjana pulangan kewangan dan menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi.

Dari segi operasi, Ekuinas kekal sebagai entiti yang berdisiplin, berasaskan merit dan berfokus komersial, dengan mengukur prestasi di tanda aras yang sejajar dengan firma ekuiti persendirian serantau dan global. Sebagai sebahagian daripada Kumpulan PNB dan ekosistem Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) yang lebih luas, Ekuinas kini mempunyai peluang yang lebih besar untuk menyumbang kepada dasar dan agenda nasional seperti GEAR-uP.

Prestasi pada tahun 2025 mencerminkan pertumbuhan berterusan Ekuinas sebagai firma modal persendirian yang berfokus pada pasaran pertengahan Malaysia, yang terus menunjukkan keupayaan untuk menjana pulangan komersial sambil memajukan penciptaan kekayaan Bumiputera dalam rangkaian pelaburan PNB dan GLIC yang lebih luas.

2025 SEKILAS PANDANGAN: SOROTAN KEWANGAN UTAMA

RM5.1 bilion
Jumlah pelaburan komited merentasi 49 syarikat

RM7.1 bilion
Ekuiti Bumiputera diwujudkan (1.6x modal yang dilaburkan)

RM8.5 bilion
Jumlah nilai pemegang saham diwujudkan (2.0x modal yang dilaburkan)

RM350 juta
Pengagihan dividen kepada PNB

1.1%
Nisbah OPEX kepada dana di bawah pengurusan

36.9%
Peningkatan penyertaan Bumiputera di dalam pengurusan sejak penglibatan Ekuinas

Menyerahkan Baton: Meneruskan Legasi Kemajuan Bersama

Tema Laporan Impak tahun 2025 ini, "Menyerahkan Baton" atau "*Passing the Baton*", mencerminkan pendekatan kami terhadap penciptaan nilai dan peralihan, di mana kami membina, memperkukuh dan menyerahkan pelaburan merentasi institusi. Peralihan pada tahun 2025 merentasi kepimpinan, pemilikan dan skala platform kami adalah terancang, berstruktur, serta menjadi asas kepada fasa pertumbuhan seterusnya.

Falsafah perlumbaan berganti-ganti Bumiputera atau "*Bumiputera relay race*" yang menjadi asas kepada agenda nasional GEAR-uP sangat selari dengan pendekatan kami. Kemajuan negara bukanlah pencapaian mana-mana institusi tunggal atau satu generasi pemimpin sahaja. Ia dibina melalui proses kesinambungan yang tersusun, di mana setiap pelari membawa apa yang telah dibangunkan sebelumnya dan menambah nilai kepadanya.

Penyenaraian awam Orkim menandakan mercu tanda pertama Ekuinas "menyerahkan baton", dalam erti kata memindahkan pemilikan sebuah perniagaan yang telah kami bangunkan selama sebelas tahun kepada PNB dan sekaligus memindahkan nilai kepada para pemegang unit saham amanah PNB, menggalakkan penciptaan kekayaan di kalangan komuniti Bumiputera secara lebih luas. Ini merupakan model yang kami berhasrat untuk terus dilaksanakan pada masa hadapan.

Sumber

10 *IDN Financials; East Asia Forum, "The ART of the deal lost in US-Malaysia pact", Disember 2025*

Penyata Bersama Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif

Penciptaan Nilai yang Konsisten

Sejak penubuhannya, Ekuinas telah melaburkan RM5.1 bilion dan telah merealisasikan hasil sebanyak RM5.7 bilion. Sehingga akhir 2025, jumlah portfolio pelaburan kumulatif kami merangkumi 49 syarikat. Ekuiti Bumiputera kumulatif yang diwujudkan berjumlah RM7.1 bilion, bersamaan 1.6 kali modal yang dilaburkan, manakala jumlah nilai pemegang saham yang diwujudkan mencapai RM8.5 bilion, atau 2.0 kali modal yang dilaburkan.

Komposisi portfolio aktif turut berubah dengan ketara. Sektor penjagaan kesihatan meningkat kepada 29% daripada portfolio aktif mengikut sektor, berbanding 24% pada 2024, mencerminkan pelaburan baharu serta pelupusan Orkim yang mengurangkan pendedahan kepada sektor tenaga.

Dari segi mandat sosial, penyertaan Bumiputera dalam pengurusan di seluruh syarikat portfolio telah meningkat kepada 36.9% sejak penglibatan Ekuinas, berbanding dengan 28.4% yang direkodkan pada 2024, mencerminkan kesan terkumpul pembangunan bakat dan usaha tadbir urus yang berterusan di seluruh portfolio.

Sepanjang tahun ini, kami membangunkan pasukan Kredit Persendirian yang lengkap serta mula mengenal pasti peminjam yang sesuai, manakala teras ketiga Ekuinas iaitu *Capacity Building*, turut dilancarkan. Walaupun penawaran kami semakin berkembang, nisbah OPEX kepada dana di bawah pengurusan (FuM) kekal pada 1.1%, mencerminkan disiplin operasi yang berterusan selaras dengan pendekatan pengurusan yang cekap dan berhemat.

Satu pencapaian penting ialah pengagihan dividen sebanyak RM350 juta kepada PNB, iaitu pengagihan pertama Ekuinas sebagai anak syarikat. Walaupun Ekuinas telah memulangkan modal pada tahun-tahun sebelum ini, pengagihan ini menandakan permulaan hubungan kewangan formal antara Ekuinas dan syarikat induk baharu kami. Nilai tersebut kemudiannya disalurkan kepada para pemegang unit amanah PNB, sekali gus memperluas manfaat ekonomi kepada komuniti Bumiputera.

Orkim: Merealisasikan Konsep Larian Berganti-ganti Bumiputera atau "Bumiputera Relay-Race"

Pelupusan paling ketara pada tahun ini ialah penyenaraian awam (IPO) Orkim Berhad pada penghujung tahun 2025.

Sejak pelaburan awal pada tahun 2014, Ekuinas telah membangunkan Orkim sepanjang tempoh 11 tahun sehingga menjadi syarikat logistik marin Malaysia yang terbesar.

Melalui IPO tersebut dan pemindahan pegangan saham, Ekuinas merealisasikan hasil kasar sebanyak RM828 juta, yang mana RM350 juta daripadanya telah diagihkan sebagai dividen kepada PNB, manakala pemilikan majoriti syarikat turut dipindahkan kepada PNB.



GEAR-uP: Sumbangan Ekuinas kepada Mandat Pembangunan Negara

Dalam kerangka ini, Ekuinas memainkan peranan khusus sebagai cabang pelaburan modal persendirian domestik PNB. Kami mengenal pasti, melabur, dan membangunkan perusahaan Bumiputera berpotensi tinggi sebelum memindahkan pemilikan kepada PNB. Ini digambarkan sebagai 'perlumbaan berganti-ganti Bumiputera' atau "*Bumiputera relay race*" di mana suatu institusi pelaburan yang telah giat membangunkan sesebuah syarikat menyerahkan baton kepada institusi lain untuk fasa pembangunan seterusnya, dan memastikan nilai ekonomi kekal dalam ekosistem GLIC negara.

IPO Orkim merupakan pelaksanaan pertama konsep perlumbaan berganti-ganti ini. Selepas sebelas tahun pemilikan dan pembangunan, kami melupuskan pegangan ke atas Orkim melalui penyenaraian awam di Pasaran Utama Bursa Malaysia, dan memindahkan pegangan sebanyak 60% kepada PNB dan dana unit amanahnya.

Perjalanan Orkim menunjukkan keupayaan Ekuinas untuk menyumbang kepada dwi objektif Kerajaan MADANI, iaitu menaikkan siling dan lantai ekonomi, dengan membina juara nasional yang berdaya saing, sambil mengagihkan pulangan kepada komuniti Bumiputera secara meluas.

Platform yang Lebih Lengkap

Pada tahun 2025, Ekuinas telah menyempurnakan pembinaan platform modal persendirian berdasarkan tiga teras. Ekuiti persendirian kekal sebagai asas utama. Pelancaran operasi Kredit Persendirian serta inisiatif *Capacity Building* yang baharu membolehkan Ekuinas berinteraksi dengan komuniti perniagaan Malaysia melalui penyelesaian yang lebih menyeluruh merentasi pelbagai peringkat pertumbuhan syarikat.

Dana Kredit Persendirian kami yang ditubuhkan pada 2024 dengan saiz dana berjumlah RM800 juta, telah melengkapkan dua transaksi pertamanya pada tahun 2025. Kredit persendirian masih berada pada peringkat awal di Malaysia, dan sebahagian besar usaha kami dalam jangka masa terdekat bertumpu kepada pendidikan pasaran serta pembinaan saluran syarikat-syarikat yang berpotensi dan yang berkualiti tinggi untuk peluang pembiayaan. ('Melihat Syarikat, Mencipta Nilai' di muka surat 32).

Capacity Building Ekuinas mencerminkan kepercayaan kami bahawa memperkukuh asas syarikat-syarikat Malaysia dalam segmen pasaran pertengahan rendah adalah penting bagi membina perusahaan yang lebih berdaya tahan dan bersedia untuk menerima pelaburan. Sejak pelaksanaan ILTIZAM, platform impak sosial Ekuinas, kami telah melaksanakan pelbagai program strategik bagi menyokong pembangunan perusahaan Bumiputera, melangkaui penyediaan modal semata-mata. Berlandaskan pengalaman tersebut, kami melihat keperluan untuk memformalkan dan memperkukuhkan lagi usaha-usaha ini dengan memberi tumpuan kepada peningkatan keupayaan, tadbir urus dan kebolehskalaan bagi membantu syarikat-syarikat yang berpotensi mencapai tahap pertumbuhan yang optimum. Objektif kami adalah untuk membangunkan saluran syarikat yang lebih kukuh dan bersedia untuk menerima pelaburan, bukan sahaja bagi Ekuinas, malah untuk manfaat komuniti pelaburan secara keseluruhan. (Lihat *Capacity Buiding* Ekuinas di muka surat 10.)

Tiga Teras Penciptaan Nilai

Ekuiti Persendirian	Kredit Persendirian	*Capacity Building*
Teras utama mandat Ekuinas sejak penubuhan bertumpu kepada pelaburan pengambilalihan dan modal pertumbuhan dalam syarikat-syarikat pasaran pertengahan Malaysia.	Dilancarkan pada 2024 dengan dana bernilai RM800 juta untuk menyediakan penyelesaian pembiayaan yang patuh Syariah dan disesuaikan kepada perniagaan pasaran pertengahan yang kurang mendapat akses kepada pembiayaan tradisional.	Inisiatif strategik yang bertujuan mempercepat pertumbuhan syarikat Bumiputera dalam segmen pasaran pertengahan rendah agar lebih berdaya tahan dan bersedia menerima pelaburan. Syarikat terpilih menjalani program selama tiga (3) tahun yang merangkumi intervensi berfokus dalam enam (6) asas perniagaan teras.

Disiplin dan Kesiapsiagaan

Prospek bagi ekuiti persendirian berkisar tentang peluang yang lebih selektif dalam persekitaran risiko yang semakin kompleks. Naratif penggunaan domestik kekal kukuh, program modal kerajaan terus menyediakan aliran urus niaga yang berstruktur, dan prestasi pasaran awam yang lemah pada 2025 menyokong daya tarikan relatif ekuiti persendirian dari segi nilai yang ditawarkan.

Keutamaan segera kami adalah ketelitian: melaksanakan ujian tekanan terhadap pelan kesinambungan perniagaan syarikat portfolio, menilai semula pendedahan rantaian bekalan, serta mengenal pasti kelemahan dalam sektor yang mempunyai hubungan langsung dengan aliran perdagangan global atau yang sensitif terhadap harga tenaga. Dalam tahun di mana rejim tarif berubah secara mendadak dan konflik ketenteraan serantau mengubah andaian pasaran tenaga dalam tempoh beberapa minggu, perancangan senario merupakan satu disiplin operasi yang penting.

Kami sentiasa sedar bahawa ketidaktentuan juga membawa peluang. Tempoh ketidakstabilan lazimnya menyempitkan penilaian, menyingkirkan modal yang lebih lemah, serta membuka ruang kepada aset yang biasanya tidak akan ditawarkan pada harga yang menarik. Bagi pengurus dana pasaran domestik yang sabar, dan mempunyai modal tersedia untuk dilaburkan, serta mandat yang jelas, persekitaran semasa mampu menawarkan peluang kemasukan paling menarik dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Pada tahun 2026 kami akan mengekalkan disiplin dalam menilai risiko harga, memberi tumpuan kepada perniagaan dengan permintaan yang kekal berdaya tahan, serta bersedia untuk bertindak pantas apabila peluang yang sesuai muncul. Sebagai sebahagian daripada PNB, terdapat lebih banyak saluran untuk bekerjasama dengan rakan GLIC lain, menyokong agenda nasional, dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi Malaysia. Era di mana pulangan dipacu oleh faktor makro sedang beralih kepada era di mana penciptaan nilai, kecemerlangan operasi dan tindakan yang tegas akan menentukan prestasi.

Penyata Bersama Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif

MEMBINA SYARIKAT-SYARIKAT, MENCIPTA NILAI

Tahun yang dipenuhi aktiviti berfokus dan bermatlamat merentasi portfolio Ekuinas

Sejak 2009, kami telah membina rekod prestasi dalam mengenal pasti syarikat Malaysia bersaiz pertengahan yang mempunyai potensi tinggi, melabur dengan pelan penciptaan nilai yang jelas, serta bekerjasama dengan pihak pengurusan untuk merealisasikan potensi tersebut. Model kami adalah mudah dari segi prinsip, namun mencabar dari segi pelaksanaan: mencari syarikat yang tepat, pada tahap risiko yang sesuai, dengan pasukan yang betul, dan melaksanakan usaha yang diperlukan untuk membangunkan mereka menjadi peneraju pasaran.

Fokus pelaburan domestik kami bersifat strategik. Sektor penjagaan kesihatan, barangan pengguna bergerak pantas atau *FMCG*, dan pembuatan termaju adalah lebih berdaya tahan dalam persekitaran di mana ketidaktentuan tarif dan volatiliti geopolitik menjadikan sektor berkaitan eksport lebih mencabar untuk dinilai dan dilaburkan.

Secara keseluruhan, portfolio kami menggambarkan landskap syarikat dalam segmen pasaran pertengahan Malaysia perniagaan yang berskala, menggaji bakat Bumiputera, serta mempunyai potensi untuk menjadi juara nasional dalam bidang masing-masing.

Dua Pelupusan, Satu Pelaburan

Tahun 2025 mencatatkan dua pelupusan yang signifikan — Medispec dan Orkim. Pelupusan ini memberi pulangan modal yang bermakna serta menunjukkan bahawa pendekatan penciptaan nilai kami terus menghasilkan pulangan yang boleh diukur. Satu (1) pelaburan baharu dalam Bluesify pula menambah keupayaan keselamatan siber kepada portfolio kami pada ketika persekitaran pasaran dan kawal selia bagi sektor ini sedang berubah.

Medispec: Penjajaran yang Memacu Pulangan

Pada Mac 2025, Ekuinas telah melengkapkan pelupusan pegangan sebanyak 75% dalam Medispec (M) Sdn Bhd, sebuah pengedar produk farmaseutikal dan penjagaan kesihatan, kepada kumpulan farmaseutikal terkemuka Malaysia. Pelupusan ini menghasilkan IRR bersih sebanyak 36.9% dan gandaan pelaburan sebanyak 3.5 kali dalam tempoh pegangan kira-kira empat tahun.[17]

Ekuinas memperoleh pegangan dalam Medispec pada tahun 2021. Dari FY2021 hingga FY2024, Medispec mencatat pertumbuhan hasil pada kadar tahunan terkumpul (CAGR) sebanyak 19.5% serta pertumbuhan EBITDA sebanyak 11.1% setahun. Pertumbuhan ini dipacu oleh usaha sama antara Ekuinas dan pasukan pengurusan Medispec merangkumi kepelbagaian produk, pengembangan saluran jualan, pelaburan dalam usaha penjenamaan, serta pembangunan bakat.[18]

Sejak awal, pengasas dan pasukan pengurusan Medispec telah menunjukkan keselarasan yang tinggi dengan objektif Ekuinas serta komited terhadap usaha yang diperlukan untuk mencapai matlamat bersama. Apabila wujud keselarasan yang kukuh antara pelabur dan pihak pengurusan, proses penciptaan nilai dapat dipercepatkan. Hasilnya ialah tempoh pegangan yang lebih singkat serta keputusan yang jauh lebih baik daripada unjuran kes pelaburan asal.

MEDISPEC: FAKTA & ANGKA	
Sektor	**Penjagaan Kesihatan**
Perolehan	**2021**
Pelupusan	**Mac 2025, tempoh pegangan 4 tahun**
IRR Bersih	**36.9%**
Gandaan Pelaburan	**3.5x**
Pertumbuhan Hasil	**19.5%**
Pertumbuhan EBITDA	**11.1%**



Sumber

17 *The Star, "Ekuinas disposes of 75% stake in Medispec", Mac 2025*
18 *The Edge Malaysia, "Ekuinas sells 75% stake in Medispec", Mac 2025*

Orkim: "*Bumiputera Relay-Race*" Pertama bagi Malaysia

Tawaran awam awal (IPO) Orkim Berhad pada Disember 2025 merupakan satu bentuk pelupusan yang berbeza: sebuah perniagaan yang dibangunkan selama sebelas tahun sehingga menjadi pengendali kapal tangki produk petroleum ditapis yang dominan di Malaysia, sebelum distrukturkan untuk dipindahkan kepada PNB sebagai pemilik institusi jangka panjangnya. Sejak pelaburan awal pada tahun 2014, Ekuinas telah membangunkan Orkim selama sebelas tahun sehingga menjadi syarikat pengendali logistik marin Malaysia yang terkemuka, dengan pegangan pasaran kira-kira 56% bagi kapal yang berdaftar di Malaysia.

Melalui IPO dan pemindahan saham, Ekuinas menerima hasil kasar sebanyak RM828 juta, yang mana RM350 juta telah diagihkan sebagai dividen kepada PNB.

Berbeza dengan Medispec yang menunjukkan penciptaan nilai dapat dipercepatkan melalui keselarasan usahawan, Orkim pula menggambarkan nilai kesabaran—serta keupayaan institusi untuk memegang pelaburan yang baik sehingga ia mencapai potensi sepenuhnya.

Kedua-dua pelupusan ini secara bersama mencerminkan kepelbagaian pendekatan dalam strategi pelupusan Ekuinas. Pelupusan yang sesuai bergantung kepada tahap kematangan syarikat, faktor dinamik sektor, kumpulan pembeli, serta sama ada peralihan tersebut mengekalkan nilai ekonomi dalam ekosistem negara. Walaupun dilaksanakan melalui pendekatan dan tempoh pegangan yang berbeza, kedua-dua pelupusan pada tahun 2025 berjaya mencapai objektif tersebut.

ORKIM: FAKTA & ANGKA	
Sektor	**Tenaga**
Perolehan	**2014**
Pelupusan	**Disember 2025 (IPO di Pasaran Utama Bursa Malaysia)**
Tempoh pegangan	**11 tahun**
Hasil kasar	**RM828 juta**
Dividen kepada PNB	**RM350 juta**
Bahagian pasaran ketika pelupusan	**~56% kapal tangki produk petroleum ditapis berdaftar Malaysia**
Struktur pelupusan	**IPO dengan pemindahan 60% pegangan**

Bluesify: Melabur Mendahului Permintaan

Pada Mac 2025, Ekuinas telah membuat pelaburan dalam Bluesify Solutions Sdn Bhd. Ditubuhkan pada tahun 2012, Bluesify merupakan Penyedia Perkhidmatan Keselamatan Terurus (MSSP), yang menawarkan perkhidmatan keselamatan siber menyeluruh: pusat pengesanan dan tindak balas siber terurus 24/7, risikan ancaman, pemburuan ancaman, tindak balas insiden, serta khidmat rundingan daya tahan siber. Pangkalan pelanggannya merangkumi institusi kewangan, pengendali tenaga dan infrastruktur, penyedia penjagaan kesihatan, serta agensi kerajaan.[19]

Akta Keselamatan Siber Malaysia 2024 mewajibkan penyedia perkhidmatan keselamatan siber dilesenkan serta mengenakan obligasi pematuhan yang ketat ke atas perniagaan yang memiliki atau mengendalikan Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara. Perkembangan ini meningkatkan peluang pasaran dan memperluas saiz pasaran secara signifikan bagi penyedia perkhidmatan yang berakreditasi seperti Bluesify.

Konteks pasaran yang lebih luas menyokong tesis ini. Pasaran keselamatan siber Asia Tenggara dijangka berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan terkumpul sebanyak 9.5%, daripada AS$4.9 bilion pada 2025 kepada AS$7.1 bilion menjelang 2029.[19] Ekonomi digital Malaysia yang semakin pesat, pembangunan infrastruktur pusat data yang berkembang, serta peningkatan tahap ancaman yang mengiringi kedua-duanya mewujudkan permintaan yang berterusan terhadap perkhidmatan keselamatan terurus yang diterajui oleh tenaga pakar.

Bluesify, sebagai syarikat Bumiputera dengan pangkalan pelanggan yang kukuh dan keupayaan teknikal yang terbukti, berada pada kedudukan yang baik untuk memenuhi permintaan tersebut.

BLUESIFY: FAKTA & ANGKA	
Sektor	**Teknologi**
Ditubuhkan	**2012**
Tarikh pelaburan	**Mac 2025**
Jenis pelaburan	**Modal pertumbuhan**
Perkhidmatan	**Pusat pengesanan & tindak balas siber terurus 24/7, risikan ancaman, pemburuan ancaman, tindak balas insiden, rundingan daya tahan siber**
Pangkalan pelanggan	**Institusi kewangan, tenaga dan infrastruktur, penjagaan kesihatan, agensi kerajaan dan badan berkanun**
Pemacu pasaran	**Akta Keselamatan Siber Malaysia 2024**
Pertumbuhan pasaran SEA	**AS$4.9 bilion (2025) → AS$7.1 bilion (2029) (CAGR 9.5%)**

Sumber

19 *The Star, "Ekuinas invests in Bluesify to strengthen Malaysia's cybersecurity landscape", Mac 2025*

Penyata Bersama Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif

Kredit Persendirian Memasuki Pasaran

Dana Kredit Persendirian Ekuinas, yang dilancarkan pada akhir 2024 dengan dana sebanyak RM800 juta, menyediakan pembiayaan patuh Syariah yang disesuaikan kepada syarikat Malaysia bersaiz pertengahan yang kurang mendapat akses kepada sistem perbankan konvensional.

Apa yang membezakan Ekuinas sebagai pemberi pinjaman bukanlah saiz dana semata-mata, tetapi pengalaman dan kepakaran yang dimiliki. Kami mempunyai enam belas tahun pengalaman dalam memiliki, mengendalikan dan membangunkan perniagaan Malaysia dalam segmen pasaran pertengahan, dan kami memahami dinamik komersial, kekangan pertumbuhan serta cabaran pengurusan yang dihadapi. Pengetahuan ini membentuk cara kami menstrukturkan pembiayaan, menilai risiko serta berinteraksi dengan peminjam sepanjang tempoh kemudahan pembiayaan tersebut. Pinjaman kami disesuaikan mengikut keperluan khusus setiap syarikat peminjam, bukannya dihadkan kepada struktur standard.

Pada tahun 2025, kami telah menyempurnakan dua transaksi kredit persendirian. Kedua-dua peminjam mempunyai pelan pertumbuhan yang jelas serta keperluan modal yang tidak dapat dipenuhi oleh sistem perbankan konvensional pada terma yang sesuai. Setiap transaksi distrukturkan bagi mencerminkan situasi dan keperluan khusus syarikat tersebut.

Kredit persendirian masih merupakan kelas aset yang baharu dalam segmen pasaran pertengahan Malaysia. Sebahagian besar usaha kami pada 2025 tertumpu kepada meningkatkan kesedaran dan mendidik pasaran tentang kelas aset ini. Ramai pemilik perniagaan masih belum biasa dengan kredit persendirian sebagai alternatif kepada pembiayaan bank. Membantu bakal peminjam memahami produk serta menilai kesesuaiannya adalah sama penting dengan proses penilaian kredit itu sendiri, khususnya pada peringkat awal pembangunan pasaran.

Bagi Ekuinas, kredit persendirian menawarkan aliran pendapatan yang lebih stabil dan boleh diramal, di samping pulangan daripada ekuiti persendirian yang secara lazimnya tidak sekata dan bergantung kepada strategi pelupusan. Ia juga membolehkan kami membina hubungan dengan syarikat yang sedang berkembang pada peringkat lebih awal, mewujudkan laluan semula jadi di mana syarikat yang berkembang dengan baik boleh menjadi calon pelaburan ekuiti persendirian pada masa hadapan.

Capacity Building Ekuinas: Membina Kepakaran Bersasar untuk Merealisasikan Potensi Jangka Panjang

Pelaburan ekuiti persendirian mempunyai syarat kemasukan tertentu. Sesebuah syarikat perlu mencapai skala operasi tertentu serta menunjukkan tahap kematangan organisasi yang mencukupi untuk menerima dan memanfaatkan modal institusi secara berkesan. Namun, berdasarkan syarat kemasukan tersebut, terdapat ratusan perusahaan Bumiputera bersaiz kecil dan sederhana yang mempunyai potensi pertumbuhan yang kukuh tetapi belum mencapai tahap kesediaan yang diperlukan untuk menerima pelaburan institusi seperti yang lazimnya disediakan oleh Ekuinas. Platform *Capacity Building* diwujudkan bagi merapatkan jurang ini.

Penting untuk dijelaskan bahawa ini bukan sebuah inisiatif pembiayaan. Kami tidak menyediakan pinjaman atau mengambil pegangan ekuiti dalam syarikat yang terlibat. Sebaliknya, kami menawarkan penglibatan berstruktur, lazimnya selama tiga tahun, untuk membantu perniagaan mengenal pasti dan menangani kekangan keupayaan dan kapasiti yang mengehadkan perkembangan mereka.

Kekangan ini sering kali bukan bersifat kewangan. Sesebuah syarikat mungkin mempunyai pertumbuhan hasil yang kukuh tetapi penjenamaannya lemah dan ia tidak mampu bersaing secara berkesan. Ia mungkin mempunyai produk yang berdaya saing tetapi rantaian bekalannya masih belum cukup mantap untuk menyokong pertumbuhan pada skala yang lebih besar. Ia mungkin mempunyai pengasas yang bercita-cita tinggi tetapi sistem organisasi dan struktur bakat belum berkembang seiring dengan perniagaan. Menangani jurang ini memerlukan pembangunan keupayaan yang berfokus dalam aspek kepimpinan, bakat, operasi dan tadbir urus—bidang yang mana Ekuinas, dengan pengalaman enam belas tahun dalam membangunkan syarikat Malaysia dalam segmen pasaran pertengahan, berada pada kedudukan yang baik untuk menyumbang.

Inisiatif ini akan melibatkan dua hingga tiga syarikat setiap tahun. Setiap syarikat akan mendapat manfaat daripada kepakaran operasi kami, rangkaian industri, serta hubungan dalam ekosistem GLIC. Matlamatnya adalah untuk membantu setiap syarikat mencapai tahap pembangunan seterusnya.

Pada masa yang sama, kami berusaha memperkukuh keupayaan dalaman syarikat yang terlibat serta menyokong perjalanan mereka ke arah kesediaan menerima pelaburan, agar mereka dapat mengakses pelbagai peluang pembiayaan yang ada dalam pasaran.

Pada akhir tempoh tiga tahun tersebut, sesetengah syarikat mungkin berkembang menjadi calon berpotensi dan berdaya saing untuk mendapatkan akses kepada pembiayaan kredit persendirian atau pelaburan ekuiti persendirian termasuk daripada Ekuinas sendiri. Walau bagaimanapun, inisiatif ini tidak menentukan destinasi akhir. Tujuannya adalah untuk memperluas pilihan setiap syarikat serta meningkatkan keupayaan mereka untuk menarik modal dan rakan strategik berdasarkan merit dan keupayaan mereka sendiri.

Capacity Building Ekuinas mencerminkan transformasi lebih luas dalam cara kami melihat peranan kami di dalam ekosistem. Sumbangan kami tidak semestinya perlu bermula dengan pelaburan. Dengan melibatkan diri di peringkat lebih awal dan menyediakan sokongan bukan kewangan yang berstruktur, Ekuinas berhasrat memainkan peranan yang lebih bermakna dalam membangunkan juara pasaran pertengahan generasi seterusnya bagi Malaysia.

ILTIZAM merupakan **platform impak sosial** Ekuinas yang mencerminkan komitmen kami dalam menzahirkan transformasi bermakna dan berkekalan dalam komuniti Bumiputera. ILTIZAM memberi tumpuan kepada membuka dan memperluas peluang, membina kemahiran dan keupayaan serta memperkasa individu dan komuniti untuk merealisasikan potensi penuh mereka. Berpandukan tiga (3) tonggak utama iaitu **Keusahawanan, Pendidikan** dan **Komuniti** serta Skim Zakat Wakalah, ILTIZAM melaksanakan pelbagai program teras dan inisiatif yang membantu meningkatkan kesejahteraan komuniti yang kurang mendapat perhatian serta menyokong generasi usahawan dan pencetus perubahan yang baharu. ILTIZAM turut memupuk daya tahan, kemandirian dan kemahiran untuk membina kerjaya yang mampan.

Pada tahun 2025, sejumlah **RM12.6 juta** telah disalurkan kepada program-program berimpak tinggi di seluruh negara, dika menegaskan komitmen berterusan Ekuinas dalam memacu kemajuan **sosioekonomi yang inklusif** serta mewujudkan peluang yang memperkasa individu untuk berdikari, berkembang, dan menyumbang impak positif kepada masyarakat.

Pelaburan Sosial pada Tahun 2025

Keusahawanan RM**2.3** juta	Pendidikan RM**9.2** juta
Komuniti RM**1.1** juta	Zakat Wakalah RM**442,390**












iltizam
ILTIZAM
Professional Development Prog
(PDP)
2025 Graduation Ceremo
7 February 2026

Ekosistem Sokongan **ILTIZAM**

EKOSISTEM SOKONGAN ILTIZAM

	ILTIZAM untuk Keusahawanan		**ILTIZAM untuk Pendidikan**			**ILTIZAM untuk Komuniti**	
Program Teras	ILTIZAM Direct		Program Pembangunan Profesional (PDP)	Program Pemerkasaan Pendidikan (EEP)		Program Sokongan Komuniti (CSP)	ILTIZAM Seni
	Advance	Catalyst		ESP*	ESF*		
				PCF*	BTS*		
Objektif	Memperkasa usahawan Bumiputera dan memacu penyertaan ekonomi serta penciptaan kekayaan secara saksama dan mampan.		Memupuk pelajar dan belia melalui sokongan akademik, vokasional dan kemahiran secara holistik, daripada pendidikan awal hingga kesiapsiagaan kerjaya.			Menyokong komuniti Bumiputera yang kurang berkemampuan dan mendorong pembangunan sosioekonomi secara inklusif sambil memelihara dan memartabatkan seni dan warisan Malaysia.	
Pendekatan	Kami menyokong usahawan berpotensi melalui bantuan yang tersusun dan disesuaikan mengikut keperluan, termasuk sokongan secara langsung bagi memperkukuh asas perniagaan, membina kapasiti dan membuka peluang pertumbuhan mampan, di samping memupuk daya tahan dan inovasi.		Kami melengkapkan pelajar dan belia dengan kemahiran yang mampu menjana pendapatan melalui program dinamik yang diolah selari dengan keperluan industri dan tuntutan dunia sebenar.			Kami melaksanakan inisiatif berimpak daripada residensi seni hingga bantuan makanan, bantuan bencana, sokongan kesihatan mental dan pelbagai lagi dengan fokus kepada perubahan yang nyata dan berkekalan.	
Kumpulan Sasaran	Perusahaan, Kecil dan Sederhana (PKS) Bumiputera di seluruh negara.		Pelajar dan belia yang kurang berkemampuan daripada keluarga B40 sama ada dalam laluan akademik mahupun bukan akademik, serta kanak-kanak berkeperluan khas di seluruh negara.			Seniman Bumiputera yang sedang berkembang, komuniti yang terkesan akibat bencana alam serta komuniti kurang mendapat perhatian di kawasan bandar dan luar bandar seluruh Malaysia.	
Keselarasan dengan Ekuinas	ILTIZAM untuk Keusahawanan menyokong mandat Ekuinas dengan memperkasa usahawan Bumiputera untuk berkembang daripada sekadar bertahan kepada menjana kejayaan jangka panjang dan pertumbuhan mampan.		ILTIZAM untuk Pendidikan menyokong misi Ekuinas dengan melengkapkan pelajar dan belia dengan ilmu dan kemahiran yang membuka peluang serta membina laluan kerjaya, lantas memacu penyertaan Bumiputera yang lebih saksama dan pertumbuhan ekonomi jangka panjang.			ILTIZAM untuk Komuniti mencerminkan misi Ekuinas dalam meningkatkan kesejahteraan hidup, membantu ketika krisis serta memperjuangkan warisan seni dan budaya Malaysia yang kaya.	
Impak	787 usahawan dan syarikat diperkasa untuk memperkukuh kapasiti dan memacu pertumbuhan mampan.		5,755 pelajar dan belia disokong bagi pertumbuhan dan pembangunan transformasi kendiri.			9,175 belia, wanita, lelaki dan kanak-kanak disokong dan diperkasa.	
Agihan Kewangan Tahun 2025	RM2.3 juta		RM9.2 juta			RM1.1 juta	

Skim Zakat Wakalah

Sejumlah RM442,390 telah diagihkan di bawah Skim Zakat Wakalah:

- RM6,890 disalurkan untuk bantuan banjir.
- RM98,500 diperuntukkan bagi menyokong usahawan asnaf dan fakir miskin dengan kerjasama TERAS.
- RM337,000 diperuntukkan kepada pelajar UNITAR yang layak bagi membantu mereka menamatkan pengajian tinggi dan memperoleh prospek kerjaya yang lebih baik di bawah PPZ MAIWP.

ILTIZAM untuk **Keusahawanan**

- Advance
- Catalyst

Keusahawanan kekal sebagai tonggak utama usaha impak sosial ILTIZAM, mencerminkan komitmen Ekuinas dalam memperkukuh pertumbuhan dan daya tahan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Bumiputera. Melalui dua program utama iaitu ILTIZAM Catalyst dan ILTIZAM Advance, tonggak ini memberi tumpuan kepada pengukuhan asas perniagaan dan peningkatan keupayaan usahawan, pembangunan kapasiti dan daya saing serta peluasan akses kepada rangkaian dan peluang. Dengan melengkapkan usahawan PKS dengan pengetahuan, peralatan dan sokongan berstruktur yang diperlukan untuk berkembang secara mampan, ILTIZAM berhasrat membangunkan ekosistem syarikat Bumiputera yang lebih berdaya tahan dan mampu menyumbang secara bermakna kepada ekonomi negara.

RM30.7 juta

Jumlah Dana Disalurkan Sejak Penubuhan

81

Usahawan Disokong Sejak Penubuhan







ILTIZAM Advance

24
Usahawan Diperkasa Sejak Penubuhan

Memperkukuh Keupayaan untuk Pertumbuhan Mampan

ILTIZAM Advance merupakan inisiatif khusus Ekuinas yang direka untuk memperkukuh asas PKS Bumiputera berpotensi tinggi melalui Pelan Penciptaan Nilai (VCP) yang disesuaikan mengikut cabaran dan keperluan setiap syarikat. Pelan ini mengambil pendekatan jangka sederhana selama 12 hingga 24 bulan dengan fokus terhadap penambahbaikan aspek-aspek utama, termasuk pengukuhan operasi, penambahbaikan proses dalaman, perancangan kewangan serta keupayaan penjenamaan, pemasaran dan pengedaran. Melalui pendekatan bersasar ini, ILTIZAM Advance membantu PKS membina asas yang lebih kukuh dan memperkasa mereka untuk pertumbuhan mampan.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2013, ILTIZAM Advance telah menyokong **24 syarikat Bumiputera** merentasi pelbagai sektor termasuk runcit, makanan dan minuman, penjagaan kesihatan, pendidikan, perkhidmatan, pelancongan dan teknologi.

RM840,000

Jumlah Dana Disalurkan pada Tahun 2025

Syarikat yang Menamatkan Program pada Tahun 2025

1. Physiomobile
2. TrackerHero


Syarikat yang Sedang Menjalani VCP

1. Ivet
2. Bayu Somerset

Syarikat Baharu

1. The Pastels Shop


Bilangan syarikat mengikut sektor



Bilangan syarikat mengikut saiz pendapatan



VCP yang dilaksanakan oleh syarikat



Syarikat yang Diperkasa

Makanan & Minuman

Fatihah Frozen Food Sdn Bhd (Fatihah Frozen) 2014

Eatalian Express Food Industries Sdn Bhd (Eatalian Express) 2020

Sports Allied Services PLT (Hutan Ration) 2021

Penjagaan Kesihatan

ATF Sport Taping Sdn Bhd (ATF Sport) 2020

PMMY Group Sdn Bhd (Physiomobile) 2022

iVetworks Sdn Bhd (iVET) 2024

Pendidikan

Proquaz Sdn Bhd (CIC) 2016

EYTC Group Sdn Bhd (KinderKaizen) 2017

Quran Pro Academy (QPA) 2021

Tymba Education Group Sdn Bhd (Tymba) 2023

Teknologi

Ultrack Technology Sdn Bhd (TrackerHero) 2023

Pelancongan

Al-Quds Travel Sdn Bhd (Al-Quds) 2014

Peruncitan

Habibah Enterprise Sdn Bhd (Bibah Songket) 2013

Eightdesign Sdn Bhd (EDZ) 2015

Art Star Sdn Bhd (Raw Denim House) 2018

Kapten Batik (M) Sdn Bhd (Kapten Batik) 2019

Zaahara Ventures Sdn Bhd (Zaahara) 2022

Bayu Somerset Sdn Bhd (Bayu Somerset) 2024

The Pastels Shop 2025

Perkhidmatan

Graduan Sdn Bhd (Graduan) 2016

Enzee Integrated Sdn Bhd (Enzee) - formerly known as SOCIO Intelligence 2021

AKAL Corporate Advisors Sdn Bhd (AKAL) 2022

Parabox Sdn Bhd (Parabox) 2017

FM Media Sdn Bhd (FM Media) 2023

ILTIZAM Catalyst

57
Usahawan Diperkasa Sejak Penubuhan

Menyerlahkan Potensi, Melakarkan Kemajuan

ILTIZAM Catalyst ialah program pembangunan perniagaan dan bimbingan berstruktur yang dilancarkan pada tahun 2022 bagi membantu PKS Bumiputera memperkukuh asas perniagaan, merealisasikan potensi dan merangka pertumbuhan mampan untuk jangka panjang. Program ini menyasarkan PKS yang telah beroperasi sekurang-kurangnya dua tahun dengan hasil tahunan antara RM300,000 hingga RM1 juta.


ILTIZAM Catalyst memilih sehingga 25 syarikat setiap tahun untuk menyertai program ini. PKS yang menyertai program ini melalui sokongan teknikal bersasar dan pembangunan keupayaan perniagaan yang merangkumi empat bidang kritikal iaitu pengurusan kewangan dan pematuhan, penjenamaan dan pemasaran digital, adaptasi teknologi serta kepimpinan selama tujuh bulan. Peserta juga mendapat sokongan khidmat nasihat daripada mentor serta sokongan rakan industri bagi membantu penjajaran pelaksanaan dan pelaksanaan penambahbaikan.

Pada Ogos 2025, ILTIZAM Catalyst meraikan graduasi 19 syarikat daripada kohort 2024. Pengambilan kohort seterusnya bermula pada Disember 2025 dan pada tarikh laporan ini disediakan, sebanyak 18 syarikat telah dipilih dan pelaksanaan program bermula pada April 2026.


Sehingga kini, ILTIZAM Catalyst telah memperkasa **57** perniagaan Bumiputera dengan melengkapkan mereka dengan keupayaan yang diperlukan untuk memperkukuh operasi dan berkembang secara mampan.

RM5.3 juta
Jumlah Dana Disalurkan Sejak Penubuhan

Memperkasa Usahawan Merentasi Seluruh Negara



Memperkukuh Pertumbuhan Merentasi Pelbagai Sektor



Syarikat yang Diperkasa

Peruncitan

D'ansar Mart Enterprise (Ansar Mart) 2022

Windrunner Asia (Windrunner) 2022

Khalidza Resources Sdn Bhd (POYA) 2022

Syanas Excellent Wardrobe (Syanas) 2022

One Plus Two Thrift Shop (OPT) 2023

Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

SMA Dental Sdn Bhd (Klinik Pergigian Saujana) 2022

Habib Bakri Healthcare Sdn Bhd (Klinik Allevia) 2022

As Optometrist 2023

Flex Physiotherapy 2023

Astana Optometry Kerteh PLT (Astana Optometri) 2023

La Artisan Health Sdn Bhd (Lissa Dental Clinic) 2023

Leeyana Optometry 2024

Afiya Wellness Sdn Bhd (Klinik 'Afiya) 2024

Makanan & Minuman

Smokeball Holding Sdn Bhd (Zombie Cookies) 2022

Ketodiet Sifu Sdn Bhd (EatSlim Lifestyle) 2022

Skinny Bakers Group Sdn Bhd (The Skinny Bakers) 2022

Ordinary Baker Sdn Bhd (The Ordinary Baker) 2022

That Last Slice Enterprise (That Last Slice) 2022

Empat Jam Enterprise (Baitun Classic) 2023

Zaman Dairy Fresh 2023

Roti Maria (Butik Roti Maria) 2024

Pagi – Pagi Enterprise (Pagi Place) 2024

Teknologi

Tarsoft Sdn Bhd (Tarsoft) 2024

Thinker Engineering Sdn Bhd (Thinker Digital) 2024

Clazzy Sdn Bhd (Clazzy Tech) 2024

Pertanian

Benefigs Urus Sdn Bhd (Benefigs) 2023

Flow Studio Sdn Bhd 2023

Pendidikan

Tadika Inovasi Mewah 2022

Michi Global Sdn Bhd (Cakap Jepun) 2022

Splashtastik Sdn Bhd (Splashtastik) 2023

Azizol Legacy Sdn Bhd (Easy Ngaji) 2023

MJ Beyond Home Therapy (Kidsaurus Therapy) 2023

Kiddie Care Centre 2024

Jazro Technology Robotics Sdn Bhd (JAZRO) 2024

Aquasplash Academy Sdn Bhd (Aquasplash Academy) 2024

Tech Up Sdn Bhd 2024

Pembuatan

Total Kitchen Marketing Sdn Bhd (Total Kitchen Marketing) 2022

Altaf Global Sdn Bhd (Jiham Caligraphy) 2022

Benua Brutti Sdn Bhd (Benua Brutti) 2023

Nab Food Industries Sdn Bhd (NAB) 2023

Wau Tradisi Sdn Bhd (Wau Tradisi) 2023

Mergha Enterprise (Cherita) 2024

HSSA Heritage (2nd Cut BBQ) 2024

Kabinet Guru Enterprise (Kabinet Guru) 2024

Mummy RQ Sdn Bhd (Groomy) 2024

Perkhidmatan

Nadirah Enterprise (PopKidsPool) 2022

Pearl Design Centre (Pearl Design) 2022

Siti (Pearl Water Filter) 2022

FF Studios Sdn. Bhd (Financial Faiz) 2022

Abdel Sdn Bhd (Abdel) 2022

Alev Global Sdn Bhd (Alev Global) 2023

Taffy Tots Sdn Bhd (Tots & All) 2023

Nadi Timur Empire (M) Sdn Bhd (Nadi Timur) 2024

Medina Success Sdn Bhd (Medina Ladies Beauty Salon) 2024

Suai Design Studio 2024

Shajaratul Collection 2024

ILTIZAM untuk **Pendidikan**

Pendidikan merupakan asas penting kepada pembangunan individu dan mobiliti sosial jangka panjang. Melalui ILTIZAM, Ekuinas menyokong pelbagai inisiatif yang memperluas akses kepada pembelajaran, pembangunan kemahiran dan peluang meningkatkan keupayaan diri, khususnya bagi individu daripada komuniti yang kurang mendapat perhatian.

Inisiatif ini merangkumi sokongan pendidikan awal, dan pengasahan kemahiran untuk membuka laluan kerjaya yang mampan. Ini mencerminkan komitmen ILTIZAM dalam memperkasa individu di pelbagai peringkat pembelajaran dan perjalanan hidup mereka. Dengan melengkapkan peserta dengan pengetahuan, kemahiran dan keyakinan untuk menyesuaikan diri dalam ekonomi yang sentiasa berkembang, program ini membantu meluaskan perspektif, meningkatkan kebolehpasaran kerja dan membolehkan mereka membina sumber pendapatan yang mampan.

Melalui usaha memupuk pembelajaran berterusan dan pembangunan holistik, ILTIZAM berhasrat memperkasa individu untuk merealisasikan potensi mereka serta menyumbang secara bermakna kepada komuniti dan masyarakat.

- Program Pembangunan Profesional PDP
  - Program Kemahiran Pendidikan ESP
  - Dana Sokongan Pendidikan ESF
- Program Pemerkasaan Pendidikan EEP
  - Dana Kerjasama Portfolio PCF
  - Program Kembali ke Sekolah BTS

RM77 juta RM41.5 juta (PDP) + RM35.5 juta (EEP) Jumlah Dana Disalurkan Sejak Penubuhan	**39,335** 735 (PDP) + 38,600 (EEP) Individu Disokong Sejak Penubuhan
RM9.2 juta RM5.0 juta (PDP) + RM4.2 juta (EEP) Dana Disalurkan pada Tahun 2025	**5,755** 75 (PDP) + 5,680 (EEP) Individu Disokong pada Tahun 2025









Program Pembangunan Profesional (PDP)

ILTIZAM

735
Graduan Disokong Sejak Penubuhan

75
Graduate Associate Diperkasa Setiap Tahun

29
Rakan Kerjasama

14
Negeri di Seluruh Malaysia Dijangkau

RM**41.5** Juta
Jumlah Dana Disalurkan Sejak Tahun 2015

RM**5.0** Juta
Jumlah Dana Disalurkan pada Tahun 2025

Inisiatif teras ILTIZAM Pendidikan iaitu Program Pembangunan Profesional (PDP) merupakan program latihan sambil bekerja selama setahun yang direka untuk menyokong graduan Bumiputera yang menghadapi cabaran mendapatkan pekerjaan, khususnya mereka yang masih menganggur sekurang-kurangnya enam bulan selepas menamatkan pengajian ijazah sarjana muda. Setiap tahun, program ini memilih 75 peserta daripada komuniti B40 dan komuniti yang kurang mendapat perhatian di seluruh Malaysia sebagai *Graduate Associate* (GA), dengan menyediakan penempatan kerja selama 12 bulan bersama latihan berstruktur dalam pembangunan kemahiran insaniah serta kesiapsiagaan industri dan tenaga kerja.

Melalui pendekatan holistik ini, ILTIZAM PDP melengkapkan peserta dengan keupayaan, kemahiran dan keyakinan yang diperlukan untuk bersaing dalam pasaran pekerjaan, berjaya dalam alam pekerjaan dan membina kerjaya yang bermakna. Dengan purata kadar kejayaan melebihi 90% untuk memperoleh pekerjaan tetap dalam tempoh enam bulan selepas tamat program, PDP terus membuktikan impaknya dalam meningkatkan kebolehpasaran kerja serta mempercepat pembangunan profesional dan peribadi graduan yang menyertainya.





Program Pemerkasaan Pendidikan (EEP)

ESP* ESF* PCF* BTS*

ILTIZAM

ILTIZAM mengamalkan pendekatan holistik terhadap pendidikan dengan menyokong inisiatif yang memperluas akses kepada pembelajaran, membangunkan kemahiran praktikal dan memupuk laluan kerjaya bagi komuniti yang kurang mendapat perhatian. Program Pemerkasaan Pendidikan ILTIZAM (EEP) merangkumi pelbagai inisiatif berstruktur bagi menyokong individu pada pelbagai peringkat laluan pendidikan dan pembangunan mereka.

RM**35.5 juta** Jumlah Dana Disalurkan Sejak Penubuhan	RM**4.2 juta** Jumlah Dana Disalurkan pada Tahun 2025
38,600 Individu Diperkasa Sejak Penubuhan	**5,680** Individu Diperkasa pada Tahun 2025





Program Kemahiran Pendidikan (ESP) ESP

ESP memberi tumpuan kepada pembangunan vokasional dan sahsiah. Program ini melengkapkan belia yang kurang mendapat perhatian dengan kemahiran praktikal seperti menggunting rambut untuk belia lelaki, solekan dan terapi kecantikan bagi belia wanita dan juga seni kulinari. Inisiatif Project Hero Muay Thai pula menyediakan platform untuk memupuk disiplin serta latihan untuk menjadi atlet profesional atau jurulatih dalam seni mempertahankan diri serta membina kerjaya yang mampan.

ESP memperkasa peserta dengan kemahiran praktikal dan profesional, membina keupayaan yang relevan kepada industri dan meningkatkan kebolehpasaran peserta untuk mencorak laluan kerjaya yang mampan.

RM2.4 juta
Dana Disalurkan pada Tahun 2025

267
Belia Disokong pada Tahun 2025

RM4.7 juta
Jumlah Dana Disalurkan Sejak Penubuhan

865
Individu Disokong Sejak Penubuhan



Projek Beauty
105 Belia Disokong (sejak 2021)



Projek Walter Barber
140 Belia Disokong (sejak 2022)



Projek Hero Muay Thai
98 Belia Disokong (sejak 2022)



Projek Kulinari
23 Belia Disokong (pada tahun 2025)



Projek Heads-Up Second Chance
495 Individu di bawah Parol Diperkasa (sejak 2022)



Dana Sokongan Pendidikan (ESF) ESF

ESF menyediakan bantuan kewangan bersasar bagi menyokong pelajar B40 yang melanjutkan pengajian tinggi di 12 universiti tempatan dengan kerjasama Yayasan Pelajaran MARA (YPM), di samping membantu kanak-kanak berkeperluan khas, khususnya daripada Ideas Autism Centre.

RM2.14 juta
Jumlah Dana Disalurkan Sejak Penubuhan

1,156
Pelajar Disokong Sejak Penubuhan



865 Pelajar YPM Disokong Sejak Penubuhan



291 Kanak-kanak Disokong Sejak Penubuhan

Dana Pendidikan ILTIZAM
(Dana ILMU)

10,366
Pelajar Disokong
Sejak Penubuhan

847
Pelajar Disokong
pada Tahun 2025



Dana Kerjasama Portfolio (PCF) PCF

Melalui PCF, ILTIZAM bekerjasama dengan syarikat portfolio Ekuinas bagi membangunkan bakat dan memperkukuh keupayaan mereka dalam sektor khusus seperti pengangkutan dan logistik marin termasuk menyediakan bantuan kepada pelajar yang layak di institusi-institusi di bawah UNITAR Education Group dari segi pembiayaan yuran pengajian, membantu mereka menamatkan pengajian tinggi masing-masing.

RM648,000
Jumlah Dana Disalurkan
pada Tahun 2025

850
Individu Disokong
pada Tahun 2025

Program Latihan dan
Pembangunan Marin
Minyak dan Gas bersama Orkim

91
Anak Kapal Diperkasa
Sejak Penubuhan

3
Anak Kapal Diperkasa
pada Tahun 2025





Program Kembali ke Sekolah (BTS) BTS

Program Kembali ke Sekolah (BTS) menyokong kanak-kanak daripada komuniti pinggir bandar dan luar bandar di seluruh Malaysia dengan menyediakan kelengkapan persekolahan asas bagi membantu mereka bersedia dan memulakan sesi akademik dalam keadaan serba lengkap.

77
Sekolah Dijangkau pada Tahun 2025

14
Negeri Dijangkau pada Tahun 2025

RM**567,000**
Jumlah Dana Disalurkan pada Tahun 2025

4,301
Pelajar Disokong pada Tahun 2025



ILTIZAM untuk **Komuniti**

- ILTIZAM Care
- Seni & Budaya
  - ILTIZAM Seni
  - Silat

Tonggak ILTIZAM Komuniti memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh kesepaduan sosial dan meningkatkan kesejahteraan komuniti yang kurang mendapat perhatian, di samping memelihara warisan seni dan budaya Malaysia yang kaya. Melalui gabungan inisiatif pembangunan budaya dan bantuan komuniti, ILTIZAM berusaha mewujudkan peluang untuk individu dan komuniti agar terus maju, khususnya ketika menghadapi detik yang mencabar.

RM9.0 juta

Jumlah Dana Disalurkan
Sejak Penubuhan

101,058

Individu Disokong
Sejak Penubuhan









Pengagihan Makanan & Sumbangan

RM**249,337**
Jumlah Dana Disalurkan pada Tahun 2025

1,629
Individu Disokong pada Tahun 2025



Bantuan Bencana

RM**124,435**
Jumlah Dana Disalurkan pada Tahun 2025

2,302
Individu Disokong pada Tahun 2025



Pengagihan Sumbangan Ramadan

RM**237,629**
Jumlah Dana Disalurkan pada Tahun 2025

4,229
Individu Disokong pada Tahun 2025

ILTIZAM Care

ILTIZAM Care menyediakan bantuan asas kepada komuniti rentan melalui inisiatif pengagihan makanan sepanjang tahun termasuk semasa bulan Ramadan, serta bantuan semasa bencana.

RM**611,401**
Jumlah Dana Disalurkan pada Tahun 2025

8,160
Individu Disokong pada Tahun 2025

Seni & Budaya

ILTIZAM Seni dan Budaya memupuk bakat seni baharu serta memelihara warisan tradisional melalui program seperti residensi seni untuk graduan seniman muda dan sokongan terhadap pembangunan seni silat kebangsaan.


RM**480,331**

Jumlah Dana Disalurkan pada Tahun 2025

1,015

Belia Disokong pada Tahun 2025





ILTIZAM Seni

ILTIZAM Seni, teras utama di bawah tonggak ILTIZAM Komuniti, merupakan program residensi seni yang menyokong ekosistem seni Malaysia yang dinamik sambil memperkasa artis Bumiputera muda yang sedang berkembang dari kalangan komuniti berpendapatan rendah. Peserta terpilih yang dikenali sebagai *Resident Artist* (RA) mengikuti program residensi selama empat bulan yang direka untuk melengkapkan mereka dengan kemahiran, pendedahan industri dan sokongan rangkaian yang diperlukan bagi membina dan mengukuhkan kerjaya sebagai seniman dan berkembang secara mampan dalam industri seni Malaysia.

RA turut dibimbing untuk membina portfolio karya seni masing-masing dengan peluang mempamerkan hasil seni mereka di galeri terkemuka yang menjalin kerjasama dengan ILTIZAM.



RM**380,331**

Jumlah Dana Disalurkan pada Tahun 2025

21

Seniman Diperkasa Sejak Penubuhan

Silat

Pada September 2025, ILTIZAM menaja pertandingan silat antarabangsa yang diadakan di Kompleks Sukan Setiawangsa, Kuala Lumpur.

Acara tersebut menghimpunkan lebih 1,000 peserta muda Bumiputera yang bertanding dalam pelbagai kategori daripada peringkat prasekolah hingga kategori terbuka (dewasa). Inisiatif yang dianjurkan dengan kerjasama Persatuan Silat Kebangsaan (PESAKA), badan induk silat kebangsaan dan Majlis Sukan Negara (MSN) ini mencerminkan komitmen bersama dalam membangunkan bakat seni silat tempatan dan mengukuhkan warisan seni mempertahankan diri ini di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

RM**100,000**

Jumlah Dana Disalurkan pada Tahun 2025

1,011

Belia Disokong pada Tahun 2025



TADBIR URUS : Penyata Tadbir Urus Korporat

Sebagai sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan, Ekuinas memberikan komitmen sepenuhnya terhadap tadbir urus yang baik, ketelusan dan pelaporan berkualiti dalam setiap pendedahannya. Sejak penubuhannya dan daripada pelbagai pendedahan yang dibuat setiap tahun, Ekuinas telah menunjukkan bahawa ia mematuhi prinsip-prinsip yang berkaitan dan terpakai mengenai keperluan tadbir urus korporat seperti yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Malaysia), Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG) 2021 yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Kod) dan garis panduan lain yang berkaitan, yang dikeluarkan oleh badan-badan kawal selia walaupun Ekuinas bukan sebuah entiti tersenarai awam.

Kenyataan ini telah disediakan berpandukan kepada prinsip pendedahan dan panduan amalan korporat terbaik yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia dalam Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama (MMLR), MCCG 2021 serta Dasar Pendedahan Ekuinas. Kenyataan ini bertujuan untuk menyediakan pihak berkepentingan Ekuinas dengan maklumat peringkat tinggi yang bermakna dan penting tentang amalan tadbir urus Ekuinas, dengan tumpuan kepada tiga (3) prinsip utama yang tertera di dalam Kod iaitu Kepimpinan & Keberkesanan Lembaga, Audit Berkesan & Pengurusan Risiko dan Integriti dalam Pelaporan Korporat & Hubungan Bermakna dengan Pihak Berkepentingan.

KERANGKA TADBIR URUS KORPORAT EKUINAS

Kerangka Tadbir Urus Korporat kami, diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan dilaksanakan sejak tahun 2010 adalah berdasarkan prinsip-prinsip berikut:

01
Menggalak ketelusan, kebertanggungjawaban dan tindakan responsif;


02
Memperkukuh penciptaan nilai jangka panjang dan mengimbangi antara risiko dan pulangan; serta

03
Merangsang inovasi dan keusahawanan dalam Syarikat melalui rangka kerja pengawasan dan pengurusan risiko yang cekap.



Sepanjang tahun kewangan, Lembaga Pengarah terus memastikan piawaian tertinggi tadbir urus korporat diamalkan dan dipertingkatkan lagi demi melindungi dan mengukuhkan nilai untuk pihak berkepentingan. Lembaga Pengarah menerima pakai Piagam Tadbir Urus yang mentakrifkan prinsip tadbir urus utama yang perlu dipatuhi oleh Lembaga Pengarah dan Syarikat serta menetapkan nilai, prinsip dan etos utama Ekuinas.

Piagam ini bukan sahaja sebagai peringatan tentang peranan dan tanggungjawab Lembaga, tetapi juga sebagai pernyataan umum tentang hasrat dan jangkaan tentang bagaimana Lembaga akan melaksanakan tugas mereka.



MENGEKALKAN LEMBAGA PENGARAH YANG BEBAS, TEGUH DAN BERKESAN

Pengerusi, yang merupakan Pengarah bukan eksekutif, mengetuai dan menyelia kerja Lembaga Pengarah semasa mesyuarat dan bertanggungjawab ke atas kepimpinan Lembaga Pengarah, kecekapan organisasi dan fungsi, serta memastikan prinsip-prinsip dan proses-proses Lembaga Pengarah dikekalkan. Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab kepada Lembaga Pengarah untuk pembangunan dan pelaksanaan strategi, dasar, perniagaan dan tatakelakuan Ekuinas.

Peranan dan tanggungjawab Pengerusi Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif dipisahkan dengan jelas serta disandang oleh individu berasingan yang tidak mempunyai hubungan kekeluargaan antara satu sama lain bagi memastikan keseimbangan kuasa yang sewajarnya. Pengasingan peranan yang jelas menggalakkan perbincangan yang membina, meningkatkan kualiti pembuatan keputusan, memperkukuh akauntabiliti, mengurangkan kecenderungan berat sebelah serta mengukuhkan keupayaan dan kesediaan Pengarah Bebas untuk melaksanakan pertimbangan bebas mereka.

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, yang kesemuanya merupakan individu berkelayakan dan cemerlang, membawa pengetahuan dan pengalaman yang mendalam dalam bidang kepakaran masing-masing ke dalam Lembaga. Mereka tidak terlibat dalam operasi harian serta tidak mempunyai sebarang urusan perniagaan atau hubungan lain dengan Ekuinas bagi memastikan mereka dapat melaksanakan pertimbangan secara objektif dan bertindak demi kepentingan terbaik Ekuinas. Profil ahli Lembaga Pengarah dipaparkan pada muka surat 16 hingga 24 Laporan Impak ini.

Penyata Tadbir Urus Korporat

KOMPOSISI DAN KESEIMBANGAN LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah komited untuk mengekalkan perwakilan kukuh Pengarah Bebas dalam Lembaga serta memastikan objektiviti dalam semua perkara yang dibincangkan. Struktur semasa Lembaga Pengarah dan integriti setiap Pengarah memastikan tiada individu atau kumpulan tertentu mendominasi proses membuat keputusan.

Lembaga Pengarah diterajui oleh ahli-ahli Lembaga yang aktif dan berpengalaman dengan latar belakang profesional yang merangkumi pelbagai bidang industri dan komersial, perakaunan dan kewangan, perniagaan dan pengurusan, kawal selia serta perkhidmatan awam. Gabungan kemahiran dan pengalaman ini menambah nilai dalam menerajui hala tuju strategik dan prestasi Ekuinas sebagai organisasi pengurusan dana ekuiti persendirian bertaraf dunia serta membimbing organisasi dalam mencapai objektif dan visinya.

Setakat 31 Disember 2025, Lembaga Pengarah terdiri daripada lapan (8) orang ahli, yang majoritinya merupakan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Sepanjang tahun kewangan 2025, Lembaga Pengarah merekodkan dua (2) pelantikan baharu, iaitu Encik Jamaluddin Bakri sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas dan Encik Aliff Omar yang secara rasmi dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif susulan peletakan jawatan Dato' Yasir.

Untuk maklumat lanjut mengenai Komposisi dan Keseimbangan Lembaga Pengarah, sila rujuk muka surat 25.

Pelantikan ke Lembaga Pengarah dan Pemilihan Semula Pengarah

Saiz dan komposisi Lembaga Pengarah disemak dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan (NRC) bagi memastikan saiz Lembaga adalah sesuai untuk keberkesanan perbincangan dan proses membuat keputusan, serta mempunyai bilangan pengarah bebas yang mencukupi. NRC juga berusaha mengekalkan keseimbangan yang efektif dari segi kepakaran, kemahiran dan ciri-ciri dalam kalangan Pengarah, termasuk meminimumkan potensi konflik kepentingan.

NRC menetapkan dan menyemak profil yang diperlukan bagi ahli-ahli Lembaga Pengarah serta membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah berkaitan pelantikan, pencalonan semula dan persaraan Pengarah.

Apabila seseorang Pengarah sedia ada memilih untuk bersara, atau apabila timbul keperluan untuk melantik Pengarah baharu, NRC akan menilai julat kepakaran, kemahiran dan ciri-ciri yang terdapat dalam Lembaga Pengarah serta komposisinya. NRC kemudiannya akan mengenal pasti keperluan Ekuinas dan menyediakan senarai cadangan calon dengan profil bersesuaian untuk pencalonan atau pencalonan semula. Jika perlu, NRC boleh mendapatkan nasihat daripada perunding pencarian eksekutif luar.

Keanggotaan NRC terdiri sepenuhnya daripada ahli bukan eksekutif dan kesemua ahlinya ketika ini merupakan Pengarah Bebas. Maklumat lanjut mengenai skop, fungsi dan aktiviti NRC sepanjang tahun kewangan boleh didapati pada muka surat 108 dalam Penyata Tadbir Urus Korporat.

Kebebasan Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah, melalui NRC, menjalankan penilaian terhadap kebebasan semua Pengarah Bebas sepanjang tahun kewangan bagi memastikan pertimbangan bebas dilaksanakan demi kepentingan terbaik Syarikat. Pengarah Bebas mempunyai kewajipan untuk mengisytiharkan kebebasan mereka dan memaklumkan kepada Lembaga Pengarah mengenai sebarang kemungkinan berlakunya konflik kepentingan. Penilaian terhadap kebebasan ini berpandukan definisi "pengarah bebas" sebagaimana yang ditetapkan oleh Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia (MMLR).

Keberkesanan Lembaga Pengarah

Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah (BEE) merupakan satu proses bagi membolehkan Lembaga Pengarah memantau prestasinya sendiri serta komited terhadap penambahbaikan berterusan. Melalui NRC, satu penilaian formal dilaksanakan untuk menilai keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, Jawatankuasa Lembaga Pengarah, serta prestasi dan sumbangan setiap Pengarah. NRC melaksanakan BEE dengan bantuan Jabatan Perundangan Syarikat dan CGRM. Prestasi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya, termasuk Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif, dinilai melalui soal selidik dan penilaian kendiri berdasarkan aspek utama termasuk Tanggungjawab Lembaga Pengarah, Komposisi dan Pentadbiran Lembaga Pengarah, Tatakelakuan Lembaga Pengarah, Interaksi dan Komunikasi Lembaga Pengarah, serta Struktur dan Proses.

Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah (BEE) yang terbaharu telah dijalankan pada tahun 2026 bagi tahun kewangan 2025. Hasil BEE tersebut adalah positif dan mengesahkan bahawa Lembaga Pengarah berkesan dalam menyediakan panduan strategik, memantau pelaksanaan serta melaksanakan tanggungjawab fidusiari mereka. Rangka Lembaga Pengarah turut mengambil tindakan segera bagi menangani aspek penambahbaikan yang diketengahkan dalam laporan tersebut, termasuk memperkukuh semakan terhadap komposisi Lembaga Pengarah, menambah baik penilaian imbuhan Pengarah dan Pengurusan Kanan bagi memastikan keberdayasaingan serta keselarasan dengan kepentingan jangka panjang Ekuinas dan mempertingkatkan proses mengenal pasti keperluan pembangunan serta latihan Pengarah.

Mesyuarat Lembaga Pengarah

Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sekurang-kurangnya sekali setiap suku tahun bagi meneliti dan meluluskan keputusan kewangan serta membincangkan laporan daripada pihak Pengurusan berkaitan prestasi, pelan dan cadangan Syarikat. Satu mesyuarat Lembaga Pengarah turut diadakan pada penghujung setiap tahun kewangan untuk meneliti dan meluluskan bajet Syarikat bagi tahun berikutnya. Mesyuarat tambahan akan diadakan dari semasa ke semasa apabila diperlukan bagi membolehkan Lembaga Pengarah membincangkan perkara yang memerlukan keputusan segera. Jadual mesyuarat Lembaga Pengarah dimaklumkan kepada semua ahli sebelum permulaan setiap tahun kewangan bagi membolehkan perancangan awal dan komitmen kehadiran daripada semua Pengarah.

KEHADIRAN KE MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH DAN JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Rekod kehadiran Pengarah ke mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah sepanjang tahun kewangan adalah seperti yang dinyatakan di bawah.

Nama Pengarah	Bilangan Mesyuarat Dihadiri					
	Lembaga Pengarah	Jawatankuasa Audit & Pengurusan Risiko	Jawatankuasa Pencalonan & Ganjaran	Jawatankuasa Pelaburan	Jawatankuasa CSR	Jawatankuasa Kredit Persendirian
Tan Sri Shahril Ridza Ridzuan	12 / 12					
Dato' Abdul Hamid Sheikh Mohamed	12 / 12	7 / 7	8 / 8	6 / 6		
Datuk Maimoonah Mohamed Hussain	11 / 12	6 / 7	8 / 8	6 / 6		8 / 8
Dato' Abdul Mutalib Alias	12 / 12	7 / 7	8 / 8		2 / 2	8 / 8
Dato' Nor Azmie Diron	4 / 12					
Dato' Rizal Rickman Ramli	11 / 12					
Jamaluddin Bakri *(Dilantik pada 1 Julai 2025)*	7 / 7*					
Aliff Omar Mohamad Omar *(Dilantik pada 23 Mei 2025)*	10 / 10*	6 / 6*	6 / 6*	5 / 5*	2 / 2*	7 / 7*
Dato' Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir *(Meletak jawatan pada 31 Mac 2025)*	0 / 1*	1 / 1*	1 / 2*	1 / 1*		1 / 1*

** Menunjukkan bilagan mesyuarat semasa tempoh perkhidmatan mereka/setelah dilantik ke jawatankuasa tersebut.*

Penyata Tadbir Urus Korporat

TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH DAN HAD KUASA

Lembaga Pengarah telah menetapkan Had Kuasa yang memperuntukkan kuasa penuh membuat keputusan kepada Lembaga Pengarah bagi perkara-perkara tertentu seperti:

i. Pemerolehan dan pelupusan pelaburan;
ii. Pelan tahunan, belanjawan dan strategi Syarikat;
iii. Dasar-dasar utama, prosedur dan perwakilan kuasa utama; dan
iv. Perubahan kepada Pengurusan Kanan dan Eksekutif.

Selain perkara-perkara di atas yang secara khusus memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah, Lembaga Pengarah juga meluluskan transaksi yang melebihi had ambang tertentu, manakala kuasa bagi transaksi di bawah had tersebut diwakilkan kepada pihak Pengurusan bagi mengoptimumkan kecekapan operasi. Lembaga Pengarah menyelia urusan perniagaan Ekuinas dengan memberi tumpuan kepada empat teras tanggungjawab utama:

i. Strategi & Penciptaan Nilai

Lembaga Pengarah menyediakan **panduan strategik** bagi memacu penciptaan nilai jangka panjang untuk pihak berkepentingan. Ini termasuk menyelia pengurusan modal, meluluskan pelaburan atau pelupusan utama serta memastikan objektif organisasi mencerminkan aspirasi yang tinggi namun boleh dicapai.

ii. Penyeliaan Pengurusan

Lembaga Pengarah mengekalkan **penyeliaan yang efektif** terhadap prestasi pengurusan dan pelaksanaan strategi. Dengan memastikan sumber yang diperlukan tersedia dan sistem akauntabiliti diwujudkan, Lembaga Pengarah memastikan operasi organisasi berjalan lancar.

iii. Risiko & Tadbir Urus

Keutamaan utama Lembaga Pengarah adalah **melindungi organisasi**. Ini melibatkan pengesahan sistem pengurusan risiko, kawalan dalaman dan kod tatakelakuan, di samping memastikan pematuhan penuh terhadap semua kewajipan perundangan, percukaian dan kawal selia.

iv. Pelaporan & Audit


Lembaga Pengarah memastikan **ketelusan dan integriti** melalui kelulusan pelaporan kewangan kepada pihak berkepentingan serta pengurusan pelantikan atau penggantian juruaudit luar.

Sejak penubuhannya, Ekuinas komited dan mengamalkan pelaburan mampan dalam semua pelaburannya. Dalam konteks ini, Lembaga Pengarah sentiasa menyedari tanggungjawabnya termasuk menetapkan strategi, keutamaan dan sasaran kemampanan Syarikat. Maklumat lanjut mengenai matlamat dan pencapaian kemampanan kami dinyatakan dalam Bab 4 Laporan Impak ini.

KOD TATAKELAKUAN

Ekuinas telah menerima pakai Kod Etika Pengarah untuk semua Pengarah Ekuinas yang berasaskan prinsip keikhlasan, integriti, tanggungjawab dan tanggungjawab sosial korporat. Penggunaan Kod Etika Pengarah ini menyeragamkan nilai-nilai etika di seluruh Syarikat serta memastikan pematuhannya.

Selaras dengan komitmen Lembaga Pengarah untuk mendukung dan mempromosikan budaya integriti dalam syarikat sejajar dengan keperluan serta jangkaan di bawah Garis Panduan Tatacara Mencukupi (GAP) bagi Seksyen 17A Akta SPRM, Dasar Antirasuah dan Antipenyelewengan yang berkaitan turut diseragamkan dan dilaksanakan di Ekuinas serta semua syarikat portfolionya.



JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawabnya dengan cekap dari segi pemantauan pengurusan syarikat secara bebas, beberapa Jawatankuasa Lembaga Pengarah telah ditubuhkan, seperti berikut:-

- Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko;
- Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran
- Jawatankuasa Pelaburan
- Jawatankuasa CSR
- Jawatankuasa Kredit Persendirian

Fungsi serta Terma Rujukan (TOR) bertulis bagi semua Jawatankuasa Lembaga Pengarah ditakrifkan dengan jelas dan jika berkenaan, mematuhi saranan Kod. Had kuasa dan TOR disemak secara berkala untuk memastikan ia relevan dan dikemas kini.

Saranan dan keputusan yang dibuat oleh setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah dicatat dan direkodkan di dalam minit mesyuarat. Ringkasan laporan dan pertimbangan Jawatankuasa dimasukkan ke dalam minit mesyuarat Lembaga Pengarah jika perlu.

Huraian ringkas setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan tanggungjawab utama mereka adalah seperti berikut:-

a. Jawatankuasa Audit & Pengurusan Risiko (ARMC)

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko terdiri daripada tiga (3) Pengarah Bukan Eksekutif Bebas iaitu:-

Pengerusi : Dato' Abdul Hamid Sheikh Mohamed
Ahli : Dato' Abdul Mutalib Alias
: Datuk Maimoonah Mohamed Hussain

Butiran lanjut mengenai TOR dan ringkasan aktiviti Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko sepanjang tahun kewangan dipaparkan di muka surat 110 hingga 111 dalam Laporan Impak ini.

b. Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran (NRC)

Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran (NRC) terdiri daripada tiga (3) Pengarah Bukan Eksekutif Bebas yang semuanya bebas daripada pihak Pengurusan serta tidak mempunyai sebarang hubungan perniagaan atau hubungan lain yang boleh menjejaskan pelaksanaan pertimbangan bebas mereka. Ahli-ahlinya adalah seperti berikut:-

Pengerusi : Datuk Maimoonah Mohamed Hussain
Ahli : Dato' Abdul Hamid Sheikh Mohamed
: Dato' Abdul Mutalib Alias
: Jamaluddin Bakri

Maklumat lanjut mengenai aktiviti NRC sepanjang tahun kewangan dihuraikan dengan lebih lanjut pada muka surat 108.

Penyata Tadbir Urus Korporat

c. Jawatankuasa pelaburan (IC)

Jawatankuasa Pelaburan terdiri daripada ahli-ahli Pengurusan Kanan Syarikat dan sekurang-kurangnya seorang Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Struktur ini merupakan amalan lazim dalam kebanyakan organisasi ekuiti persendirian bagi memastikan keputusan pelaburan dapat dibuat secara tepat pada masanya dengan pengawasan yang mencukupi, komitmen yang kukuh serta akauntabiliti daripada pakar pelaburan profesional. Ahli-ahli IC adalah seperti berikut:-

Pengerusi : Dato' Abdul Hamid Sheikh Mohamed
Ahli : Datuk Maimoonah Mohamed Hussain
: Mohd Kamil Ibrahim
: Aliff Omar Mohamad Omar
: Heng Khim Hui
: Ahmad Hilmy Abd Jalil
: Shazril Mazlan

Tanggungjawab dan fungsi utama Jawatankuasa Pelaburan termasuk:-

- meluluskan cadangan bagi semua Keputusan pelaburan dan pelupusan pelaburan yang dibuat oleh Ekuinas;
- meluluskan semua Keputusan berkaitan pengurusan semua pelaburan yang dibuat oleh Ekuinas; dan
- mengkaji kualiti dan kebolehpercayaan semua maklumat kewangan berkaitan dengan semua pelaburan

d. Jawatankuasa CSR (CSRC)

Jawatankuasa CSR (CSRC) yang dipengerusikan oleh Pengarah Bukan Eksekutif Bebas dan terdiri daripada ahli-ahli Pengurusan Kanan, ditubuhkan untuk menyemak dan memantau program CSR Ekuinas dan memastikan Syarikat melaksanakan tadbir urus dan kawalan dalaman bagi aktiviti CSR pada standard tertinggi. Pihak Pengurusan dikehendaki mengemas kini aktiviti dan program CSR apabila diperlukan oleh Jawatankuasa CSR dan/atau Lembaga Pengarah. Ahli-ahli CSRC adalah seperti berikut:-

Pengerusi : Dato' Abdul Mutalib Alias
Ahli : Aliff Omar Mohamad Omar
: Hizwani Hassan
: Nur Azleen Soliha Abdul Waris

Tanggungjawab dan fungsi utama CSRC termasuk:-

- meneliti dan meluluskan pelan tahunan program CSR serta bajet CSR Ekuinas; memantau pelaksanaan semua aktiviti CSR; dan
- membincangkan sebarang isu serius berkaitan projek CSR yang mempunyai risiko kewangan atau reputasi terhadap Ekuinas.

e. Jawatankuasa Kredit Persendirian (PC)

Peranan Jawatankuasa PC adalah untuk meneliti dan mengesyorkan permohonan kredit daripada unit Kredit Persendirian untuk kelulusan Lembaga Pengarah. Ahli-ahli Jawatankuasa PC terdiri daripada yang berikut:-

Pengerusi : Datuk Maimoonah Mohamed Hussain
Ahli : Dato' Abdul Mutalib Alias
: Mohd Kamil Ibrahim
: Aliff Omar Mohamad Omar
: Phua Pao Ann

Tanggungjawab dan fungsi utama Jawatankuasa PC termasuk:

- meluluskan keputusan berkaitan kredit bagi Dana PC;
- menyelia pelan perniagaan PC, penasihat luar dan prestasi portfolio; dan
- meneliti perubahan dasar serta melaporkan operasi dan prestasi Dana PC secara berkala kepada Lembaga Pengarah.

f. Jawatankuasa Pengurusan Kanan

Jawatankuasa Pengurusan Kanan (SMC) dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan terdiri daripada Pengurusan Kanan, ditubuhkan untuk membantu ARMC dan Lembaga Pengarah dalam melaksanakan fungsinya berhubung hal-hal operasi dan pengurusan risiko di Ekuinas. SMC bermesyuarat setiap suku tahun untuk menyemak laporan risiko suku tahunan sebelum membentangkan laporan tersebut kepada ARMC.

AKSES KEPADA MAKLUMAT DAN KHIDMAT NASIHAT BEBAS

Bagi membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawabnya, pihak Pengurusan menyediakan laporan pelaburan dan kewangan yang komprehensif secara berkala. Sebagai amalan, pihak Pengurusan mengemukakan agenda mesyuarat bersama kertas kerja Lembaga Pengarah yang mengandungi maklumat berkaitan kepada ahli-ahli Lembaga sekurang-kurangnya lima (5) hari sebelum mesyuarat diadakan. Hal ini bertujuan memberi masa yang mencukupi kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah untuk meneliti, mempertimbangkan dan memahami dengan lebih baik perkara-perkara yang bakal dibentangkan sebelum mesyuarat, serta memberi peluang yang mencukupi untuk perbincangan dan pertimbangan terhadap perkara yang bakal diketengahkan.

Kertas kerja Lembaga Pengarah disediakan dalam format yang tersusun, konsisten dan ringkas serta merangkumi maklumat kuantitatif dan kualitatif, bagi membolehkan Lembaga Pengarah membuat keputusan yang teliti berdasarkan maklumat menyeluruh. Kertas kerja Lembaga Pengarah termasuk antara yang berikut:-

i. Minit-minit mesyuarat Lembaga Pengarah terdahulu;
ii. Minit mesyuarat terdahulu bagi semua Jawatankuasa Lembaga Pengarah;
iii. Laporan Perkara Berbangkit;
iv. Laporan mengenai perkara yang memerlukan pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengarah;
v. Laporan kewangan suku tahunan dan laporan prestasi pelaburan Syarikat; dan
vi. Hal-hal penting lain yang perlu dibincangkan dan diluluskan.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan & Strategi (CFSO) turut hadir semasa pembentangan ini bagi menjawab sebarang pertanyaan daripada Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah mempunyai akses yang mudah dan bebas kepada Ketua Pegawai Eksekutif, Pengurusan Kanan, Setiausaha Syarikat serta juruaudit dalaman dan luaran pada setiap masa. Lembaga Pengarah juga menggunakan budi bicaranya untuk mendapatkan nasihat profesional bebas sekiranya perlu, bagi memastikan maklumat dan nasihat yang lengkap tersedia sebelum keputusan penting dibuat.

Setiausaha Syarikat membantu Lembaga Pengarah dalam penyediaan agenda mesyuarat serta mentadbir, menghadiri dan menyediakan minit prosiding Lembaga Pengarah, serta memastikan aliran maklumat yang berkesan dalam Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya.

INTEGRITI DALAM PELAPORAN KEWANGAN

Lembaga Pengarah berusaha menyediakan dan membentangkan penilaian yang seimbang dan bermakna terhadap prestasi kewangan Syarikat dalam semua pendedahan kepada pihak berkepentingan. Lembaga Pengarah, dengan bantuan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, menyelia proses pelaporan kewangan dan kualiti pelaporan kewangan, di samping meneliti dan memantau integriti penyata kewangan Syarikat. Jawatankuasa ini juga meneliti kesesuaian dasar perakaunan Syarikat dan perubahan terhadap dasar tersebut, serta memastikan penyata kewangan mematuhi keperluan perakaunan dan kawal selia serta amalan tadbir urus korporat yang baik.

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko juga bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan, dan forum ini membolehkan juruaudit luar membangkitkan, antara lain, sebarang kebimbangan berkaitan aspek pematuhan penyata kewangan. Semua piawaian perakaunan yang dianggap terpakai oleh Lembaga Pengarah telah diterima pakai, tertakluk kepada sebarang penjelasan mengenai penyimpangan material yang didedahkan dalam nota kepada penyata kewangan.

KEBEBASAN JURUAUDIT LUAR

Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, telah menjalinkan hubungan formal dan telus dengan juruaudit Syarikat, baik luaran mahupun dalaman. Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko bersidang secara berkala dengan juruaudit luar dan dalaman untuk membincangkan dan menyemak pelan audit, prestasi kewangan suku tahunan, penyata kewangan tahunan dan sebarang penemuan audit dan membuat cadangan untuk kelulusan Lembaga Pengarah. Pada tahun ini, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan, selaras dengan keperluan amalan terbaik. Lembaga Pengarah menyedari akan potensi konflik kepentingan yang mungkin timbul jika juruaudit luar Syarikat terlibat dalam menyediakan perkhidmatan bukan audit lain kepada Syarikat. Untuk mengurangkan risiko ini, Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko menyemak prestasi, kebebasan dan yuran juruaudit luar.

Penyata Tadbir Urus Korporat


PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah bertanggungjawab bagi mengekalkan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang memberikan jaminan munasabah bagi operasi yang berkesan dan cekap dengan mematuhi undang-undang dan peraturan yang diguna pakai, serta prosedur dan garis panduan dalaman.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman, yang memberikan gambaran keseluruhan tentang keadaan kawalan dalaman dalam Syarikat, dipaparkan pada muka surat 112 sehingga 118 dalam Laporan Impak ini.

Fungsi Dalaman Audit

Lembaga Pengarah memberi kuasa kepada pihak Pengurusan untuk mencapai objektif perniagaan di samping mematuhi etika perniagaan dan piawaian tadbir urus yang tinggi. Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM), yang juga berfungsi sebagai fungsi audit dalaman, melapor secara terus kepada Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, menunjukkan komitmen Syarikat untuk mengekalkan integriti rangka kerja tadbir urusnya. Struktur pelaporan fungsi CGRM adalah seperti yang digambarkan di bawah:-



Unit Integriti dan Tadbir Urus (IGU)

Lembaga Pengarah telah menubuhkan Unit Integriti dan Tadbir Urus (IGU) di bawah Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM) bagi menyokong Pelan Antirasuah Nasional (NACP) untuk menggalakkan akauntabiliti, integriti dan budaya yang lebih telus. NACP bertujuan memacu Malaysia ke arah negara yang berintegriti dan bebas daripada rasuah.

Lembaga Pengarah juga telah meluluskan pelantikan Ketua Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM) sebagai Pegawai Integriti untuk Ekuinas. IGU bertanggungjawab untuk empat (4) fungsi utama seperti yang digambarkan di bawah dan melaporkan kepada Lembaga Pengarah setiap suku tahun mengenai perkara berkaitan integriti dan inisiatif antirasuah.

Pengurusan Aduan	Pengesanan dan Pengesahan	Penambahbaikan Integriti	Tadbir Urus
• Untuk menerima dan menjawab semua aduan dan maklumat berkenaan pelanggaran etika dan salah laku jenayah di dalam organisasi	• Mengenal pasti dan mengesahkan aduan • Pelanggaran Kod Tatakelakuan dan Etika • Melapor salah laku jenayah	• Untuk memupuk, membudayakan dan melaksanakan konsep intergriti dalam organisasi	• Untuk memastikan pelaksanaan tadbir urus yang baik

HUBUNGAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Dalam memenuhi peranan dan objektifnya sebagai syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan, Ekuinas berurusan dengan pelbagai pihak berkepentingan. Syarikat mengiktiraf kepentingan mengekalkan ketelusan dan akauntabiliti sambil menguruskan hubungan yang baik dan produktif dengan pihak berkepentingan Syarikat. Oleh hal yang demikian, Syarikat memberikan penekanan terhadap kepentingan penyebaran maklumat tepat pada masanya dan ketelusan kepada orang awam dan pihak berkepentingan.

Penglibatan dan Komunikasi Pihak Berkepentingan

Syarikat telah menerima pakai dasar pengurusan dan komunikasi pihak berkepentingan yang komprehensif yang disemak secara berkala. Dasar tersebut menyediakan panduan untuk Syarikat berinteraksi dengan kumpulan pihak berkepentingan yang berbeza termasuk orang awam, media, badan kerajaan dan pihak berkuasa bagi mematuhi keperluan pendedahan yang berterusan dan tepat pada masanya. Selain daripada siaran akhbar dan pengumuman, Syarikat menggunakan laman sesawang sebagai satu lagi saluran komunikasi untuk menyebarkan maklumat kepada pihak berkepentingan dan orang awam. Syarikat komited untuk memastikan bahawa orang awam mempunyai akses mudah kepada maklumat melalui laman sesawangnya www.ekuinas.com.my

PERTANYAAN BOLEH DIAJUKAN KEPADA:-

Perkara Umum

Komunikasi
Telefon : 03-77107171
Faksimili : 03-77107173
E-mel : info@ekuinas.com.my

Perihal Tadbir Urus

Tadbir Urus Korporat &
Pengurusan Risiko
E-mel : governance@ekuinas.com.my

Saluran Pemberi Maklumat

Laporan Pemberitahuan Maklumat
E-mel : whistleblowing@ekuinas.com.my

Penyata Tadbir Urus Korporat

FUNGSI JAWATANKUASA PENCALONAN DAN GANJARAN

Peranan dan Tanggungjawab

Tanggungjawab utama Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan (NRC), selaras dengan Terma Rujukannya, adalah untuk membantu Lembaga Pengarah dalam perkara berkaitan pencalonan dan ganjaran, termasuk:-

- Pelantikan pengarah dan pengurusan kanan serta memudahkan program induksi bagi pengarah baharu dan program latihan yang bersesuaian untuk melatih serta melengkapkan kemahiran pengarah baharu dan sedia ada secara berterusan;
- Menyemak gabungan kemahiran, pengalaman, kecekapan teras serta ciri-ciri lain yang diperlukan bagi memastikan keberkesanan Lembaga Pengarah Ekuinas;
- Menentukan rangka kerja atau dasar umum bagi pakej imbuhan Ketua Pegawai Eksekutif serta ahli Pengurusan lain yang ditetapkan;
- Menyemak ganjaran Pengarah Bukan Eksekutif bagi memastikan ia sejajar dengan pasaran serta mencerminkan pengalaman dan kepakaran yang setimpal dengan tugas dan tanggungjawab;
- Menyemak sebarang perubahan besar dalam struktur manfaat kakitangan di seluruh Syarikat dan jika difikirkan sesuai, mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah untuk diterima pakai; dan
- Menyemak serta mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan rangka kerja skim insentif tahunan Syarikat. Terma Rujukan terperinci NRC boleh didapati di https://www.ekuinas.com.my/governance.

Ringkasan Aktiviti Pada Tahun 2025

Sepanjang tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2025, NRC telah menjalankan beberapa aktiviti utama seperti berikut:-

- Menjalankan penilaian tahunan terhadap komposisi dan kebebasan Pengarah Bebas;
- Membincangkan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah keputusan Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah (BEE) bagi TK2024;
- Membincangkan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Ekuinas bagi TK2024, Pembayaran Bonus TK2024, serta Kenaikan Merit dan Pelarasan Gaji TK2024;
- Menyemak Rangka Kerja KPI Cadangan bagi TK2025;
- Membincangkan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah kemas kini Kad Skor Korporat TK2025;
- Membincangkan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah pelan pengekalan bakat dan
- Membincangkan serta mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah mengenai: (1) pelan penggantian Ketua Pegawai Eksekutif; (2) pelantikan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas baharu Ekuinas, ahli Jawatankuasa Kredit Persendirian dan Ketua Pegawai Eksekutif; serta (3) pembaharuan pelantikan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas dan Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas Ekuinas, serta Pengarah Kanan.

GANJARAN BARISAN PENGARAH

Objektif dasar Syarikat mengenai ganjaran Pengarah adalah untuk menarik dan mengekalkan Pengarah yang berkaliber bagi menerajui Syarikat dengan berkesan. Bagi Pengarah Eksekutif, komponen ganjaran disusun bagi menghubungkan ganjaran dengan prestasi korporat dan individu. NRC mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah rangka kerja pakej ganjaran bagi Pengarah Eksekutif. Adalah menjadi tanggungjawab mutlak Lembaga Pengarah untuk meluluskan ganjaran Pengarah Eksekutif.

Bagi Pengarah Bukan Eksekutif, tahap ganjaran mencerminkan tanggungjawab yang dipikul oleh Pengarah tersebut.

Ganjaran bagi Pengerusi dan Pengarah Bukan Eksekutif (NED) terdiri daripada elaun bulanan tetap dan elaun kehadiran mesyuarat.

Pecahan komponen ganjaran NED adalah seperti berikut:-


Elaun	Lembaga Pengarah (RM)	Jawatankuasa Lembaga Pengarah (Audit dan Pengurusan Risiko / Pencalonan dan Imbuhan / Pelaburan / CSR / Kredit Persendirian) (RM)
Elaun Bulanan Tetap - **Pengerusi**	~11,700	–
Elaun Bulanan Tetap - **Pengarah Bukan Eksekutif**	10,000	–
Elaun Kehadiran Mesyuarat (termasuk ahli gantian)	3,000	2,500

Nota:
Pada tahun 2025, jumlah keseluruhan pembayaran Elaun Bulanan Tetap dan Elaun Kehadiran Mesyuarat kepada NED bagi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah adalah sebanyak RM1.251 juta.

LATIHAN PENGARAH

Lembaga Pengarah memperakui kepentingan pendidikan berterusan untuk barisan Pengarah bagi memastikan mereka bersedia menghadapi cabaran dan melaksanakan fungsi mereka sebagai Lembaga Pengarah. Program latihan, persidangan dan seminar yang bermanfaat kepada para Pengarah dikenal pasti secara berterusan dan Syarikat memperuntukkan belanjawan yang khusus untuk latihan bagi menyokong pembangunan berterusan barisan Pengarah. Para Pengarah juga sentiasa dimaklumkan mengenai perkembangan perniagaan Syarikat termasuk taklimat oleh Pengurusan Kanan dan perunding/pakar luar tentang isu-isu yang berkaitan dengan bidang atau industri tertentu berserta dengan cadangan strategik.

Program pembangunan dan latihan yang dihadiri oleh Pengarah serta penyertaan mereka sebagai penceramah di konvensyen tempatan dan antarabangsa mengenai topik yang berkaitan dengan peranan mereka pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 adalah seperti berikut:-



Penyata Tadbir Urus Korporat ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 13 April 2026.

Laporan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko

Lembaga Pengarah Ekuinas dengan sukacitanya membentangkan laporan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025.

Komposisi dan Kedatangan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko

ARMC telah ditubuhkan pada tahun 2010 selaras dengan Kod dan MMLR Bursa Malaysia. Ahli Jawatankuasa dilantik dalam kalangan ahli Lembaga Pengarah Syarikat dan memenuhi keperluan berikut:-

- Dianggotai tidak kurang daripada tiga (3) orang ahli;
- Majoriti adalah pengarah bebas;
- Semua ahli adalah pengarah bukan eksekutif;
- Sekurang-kurangnya seorang adalah ahli persatuan perakaunan; dan
- Pengarah gantian tidak boleh dilantik sebagai ahli ARMC.

Komposisi ARMC dan rekod kehadiran ahli-ahli adalah seperti berikut:-

Nama Pengarah	Status Jawatan Pengarah	Bilangan Mesyuarat yang Dihadiri	%
Dato' Abdul Hamid Sheikh Mohamed (Pengerusi Jawatankuasa)	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	7 daripada 7	100
Datuk Maimoonah Mohamed Hussain	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	6 daripada 7	86
Dato' Abdul Mutalib Alias	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	7 daripada 7	100

Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko

ARMC bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun dan lebih kerap jika perlu.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Ketua Pegawai Kewangan & Strategi (CFSO), Ketua Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM) serta wakil juruaudit luar menghadiri mesyuarat apabila bersesuaian. ARMC turut mengadakan mesyuarat bersama juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan semasa mesyuarat ARMC pada 13 Mac 2025.

Pengerusi ARMC membentangkan laporan setiap mesyuarat kepada Lembaga Pengarah dan minit setiap mesyuarat direkodkan serta diedarkan kepada setiap ahli ARMC.

Peranan dan Tanggungjawab

Dalam melaksanakan tugas dan menunaikan tanggungjawabnya, ARMC berpandukan Terma Rujukan yang disemak semula pada September 2025 dan diberikan objektif utama berikut:-

a) Membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawab fidusiari serta menyediakan pengawasan tadbir urus dalam pengurusan rangka kerja risiko dan strategi pengurusan risiko utama Syarikat;
b) Menyemak kecukupan dan keberkesanan amalan serta prosedur pengurusan risiko, proses perniagaan, pelaporan kewangan dan kawalan dalaman;
c) Memastikan kebebasan fungsi audit dalaman dan audit luaran serta meneliti aktiviti, kecekapan dan prestasi kedua-dua fungsi tersebut; dan
d) Menyemak, menyokong, mempromosikan dan memantau program Kod Etika Perniagaan (CoBE) di seluruh Syarikat termasuk pengurusan konflik kepentingan, pencegahan penyalahgunaan kuasa, rasuah, dagangan orang dalam dan pengubahan wang haram serta memastikan pelaksanaan program pemberi maklumat di seluruh Syarikat.

Terma Rujukan penuh dan terperinci ARMC boleh didapati di https://www.ekuinas.com.my/governance.

Aktiviti

Selaras dengan Terma Rujukan ARMC, aktiviti berikut telah dilaksanakan sepanjang tahun kewangan:-

- Menyemak dan meluluskan pelan audit Jabatan CGRM dan juruaudit luar, termasuk skop kerja masing-masing bagi tahun kewangan yang disediakan oleh Jabatan CGRM dan juruaudit luar;
- Menyemak laporan Syarikat yang disediakan oleh CGRM dan juruaudit luar serta mempertimbangkan isu dan pelan tindakan;
- Menyemak laporan suku tahunan dan tahunan Syarikat sebelum dikemukakan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Menyemak cadangan dasar dan prosedur utama untuk diterima pakai oleh Syarikat sebelum dikemukakan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Menyemak laporan Pengurusan Risiko yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Kanan secara suku tahunan untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Mengadakan mesyuarat bersama juruaudit luar tanpa kehadiran pihak pengurusan;
- Menyemak prestasi, kebebasan dan yuran juruaudit luar;
- Menyemak laporan berkaitan ARMC, Penyata Tadbir Urus Korporat dan SORMIC sebelum dimasukkan ke dalam laporan tahunan Syarikat;
- Menyemak dan membincangkan laporan audit, isu serta cadangan daripada juruaudit luar dan dalaman hasil audit yang dijalankan sepanjang tahun;
- Menyemak kecukupan sumber dan kecekapan kakitangan dalam fungsi audit dalaman bagi melaksanakan pelan audit serta hasil kerja mereka; dan
- Menyemak dan membincangkan laporan Unit Integriti dan Tadbir Urus (IGU) untuk kelulusan Lembaga Pengarah sebelum dikemukakan kepada Kementerian Ekonomi atau agensi Kerajaan lain.

Fungsi Dalaman Audit

Syarikat mempunyai fungsi audit dalaman yang dilaksanakan oleh Jabatan CGRM. Jabatan CGRM melapor secara langsung kepada ARMC dan secara pentadbiran kepada CEO. Jabatan CGRM telah mengguna pakai Piagam Tadbir Urus Korporat yang memperuntukkan kebebasannya dalam menilai dan melaporkan kecukupan, integriti dan keberkesanan keseluruhan sistem kawalan dalaman, pengurusan risiko dan tadbir urus korporat dalam Syarikat melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin. Inisiatif semakan dan penambahbaikan kawalan yang dijalankan oleh CGRM ditetapkan dalam pelan audit tahunan yang telah disemak dan diluluskan oleh ARMC sepanjang tahun kewangan.

Sepanjang tahun tersebut, selaras dengan pelan audit dalaman yang diluluskan, CGRM telah menyemak dan membantu dalam mendokumentasi dan menyeragamkan dasar dan prosedur Syarikat, selain memudah cara semakan risiko dan dokumentasi pelaporan risiko Ekuinas kepada SMC dan ARMC. Selain itu, CGRM turut bekerjasama dengan pihak pengurusan syarikat portfolio bagi menggalakkan pelaksanaan tadbir urus yang baik dan amalan terbaik.

CGRM juga mengambil bahagian dalam proses usaha wajar bagi cadangan pemerolehan atau pelaburan, meliputi aspek tadbir urus dan risiko pelaburan. Penemuan utama diketengahkan kepada pihak Pengurusan dan Lembaga Pengarah sebagai sebahagian daripada proses penilaian pelaburan bagi memastikan semua risiko pelaburan utama dikurangkan secara berhemah.

Tiada bahagian fungsi audit dalaman yang diuruskan pihak luar sepanjang tahun kewangan.

Laporan ini dibuat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah yang bertarikh 13 April 2026.

Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman


PENGENALAN

Lembaga Pengarah berbesar hati membentangkan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman (SORMIC) ini menurut perenggan 15.26(b) Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia (MMLR) bagi menggalakkan tadbir urus korporat yang baik dan pematuhan kepada amalan terbaik, walaupun MMLR tidak terpakai kepada Syarikat.

STRUKTUR SISTEM PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah telah menyeragamkan sistem dan proses berterusan untuk mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko utama yang dihadapi oleh Syarikat. Perkara ini diterapkan dalam Rangka Kerja Tadbir Urus Korporat kami yang merangkumi Rangka Kerja dan Dasar Pengurusan Risiko, Piagam Audit Dalaman serta Rangka Kerja Sistem dan Kawalan Dalaman.

Rangka Kerja dan Dasar Pengurusan Risiko Syarikat yang telah diluluskan menetapkan asas pendekatan Ekuinas terhadap pengurusan risiko, yang dikaitkan dengan objektif strategik dan organisasi serta diintegrasikan ke dalam proses perniagaan Syarikat. Rangka kerja tersebut menetapkan akauntabiliti dan tanggungjawab yang jelas bagi proses pengurusan risiko, termasuk mengenal pasti dan mengurus risiko yang boleh memberi kesan material terhadap objektif strategik atau pelaksanaan Syarikat.
Sistem dan struktur pengurusan risiko serta kawalan dalaman diringkaskan seperti berikut:-



Walaupun mana-mana sistem hanya mampu memberikan jaminan munasabah dan bukan jaminan mutlak terhadap kerugian material, penyelewengan, salah nyata atau pelanggaran undang-undang atau peraturan, Lembaga Pengarah komited sepenuhnya untuk mengekalkan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang kukuh bagi memastikan kecukupan dan integritinya melalui proses semakan, pemantauan dan jaminan.

Bagi membantu Lembaga Pengarah, ARMC telah ditubuhkan dengan tanggungjawab utama untuk menyelia pengurusan risiko dan kawalan dalaman, dengan bantuan SMC, CEO dan Pengurusan Kanan di Ekuinas serta semua syarikat portfolio dalam melaksanakan dasar dan prosedur Lembaga Pengarah berkaitan risiko dan kawalan.

Jawatankuasa Audit & Pengurusan Risiko (ARMC)

ARMC menyelia semua aktiviti pengurusan risiko dan kawalan dalaman dalam Syarikat dengan tanggungjawab utama memastikan Rangka Kerja Pengurusan Risiko dilaksanakan dengan berkesan, menilai pendedahan risiko dan meneliti isu kawalan dalaman yang diketengahkan oleh Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM), pihak Pengurusan dan juruaudit luar, serta menyemak fungsi dan pelan kerja CGRM. Jabatan CGRM, yang melaksanakan fungsi audit dalaman bagi Syarikat, melapor secara langsung kepada ARMC.

Kesemua ahli ARMC merupakan ahli Lembaga Pengarah Bukan Eksekutif Bebas dan mempunyai akses penuh kepada juruaudit dalaman dan luaran. ARMC bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan sekurang-kurangnya sekali setahun.

Jawatankuasa Pengurusan Kanan (SMC)

SMC merupakan pemilik risiko yang menyelaras usaha untuk mengurangkan dan mengurus risiko sambil membantu Lembaga Pengarah melaksanakan fungsinya berkaitan pengurusan risiko.

Berikut merupakan tugas dan tanggungjawab utama SMC berkaitan pengurusan risiko dan kawalan dalaman:-

- menyemak dan mengesyorkan dasar serta laporan pengurusan risiko untuk kelulusan ARMC dan Lembaga Pengarah;
- memantau pendedahan risiko Syarikat dan syarikat portfolio serta mengesyorkan tindakan strategik apabila perlu;
- menyemak secara suku tahunan prestasi keseluruhan syarikat portfolio, inisiatif yang dilaksanakan dan risiko perniagaan utama;
- menyemak sebarang risiko dan pendedahan signifikan yang wujud serta menilai inisiatif yang diambil oleh pihak Pengurusan dan syarikat portfolio untuk mengurangkan risiko tersebut; dan
- mengekalkan, menyampaikan dan memantau pematuhan terhadap dasar dan prosedur.

Melalui perbincangan bersama setiap pasukan portfolio, ketua jabatan dan pengurusan syarikat portfolio, inisiatif serta kawalan utama (jika perlu) untuk mengurangkan risiko dikenal pasti. Ringkasan risiko berdasarkan keutamaan kemudiannya didokumentasikan dalam laporan dan dibentangkan kepada SMC dan ARMC secara suku tahunan. Laporan Pengurusan Risiko suku tahunan yang terhasil kemudiannya dibentangkan dan diluluskan oleh ARMC dan Lembaga Pengarah.

Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM)

Peranan Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM) adalah untuk membantu ARMC dan pihak Pengurusan Syarikat dalam melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan melalui penubuhan kawalan dalaman yang kos efektif, penilaian risiko, pengesyoran langkah-langkah mitigasi risiko serta memastikan proses tadbir urus yang sewajarnya diwujudkan. Sebagai sebahagian penting daripada proses ini, CGRM menyediakan analisis, penilaian, nasihat dan maklumat bebas berkaitan aktiviti yang disemak kepada ARMC.

Jabatan CGRM melapor secara langsung kepada ARMC dan secara pentadbiran kepada CEO. Jabatan CGRM juga berfungsi sebagai fungsi audit dalaman dan mempunyai empat (4) kakitangan yang terdiri daripada Ketua CGRM, seorang (1) Pengurus, seorang (1) Eksekutif dan seorang (1) *Graduate Associate*. Piagam CGRM telah menggariskan langkah perlindungan bagi melaksanakan peranan bukan audit dalam Pengurusan Risiko, Integriti dan Tadbir Urus Korporat seperti berikut:-

- Pengawasan Bebas: Tanggungjawab bukan audit yang dilaksanakan oleh pasukan CGRM tertakluk kepada pengawasan Jawatankuasa Pengurusan, ARMC dan Lembaga Pengarah;
- Tiada Kuasa Membuat Keputusan dan Pemilikan Operasi: Walaupun fungsi audit dalaman boleh memudah cara atau menyokong pengurusan risiko dan fungsi-fungsi lain, ia tidak mempunyai kuasa membuat keputusan terhadap tindak balas risiko atau pemilikan risiko; dan
- Mengelakkan Risiko Semakan Kendiri: Tiada kerja jaminan dilaksanakan oleh CGRM terhadap fungsi bukan auditnya. Jika berkenaan, semakan tambahan terhadap kerja bukan audit tersebut akan dijalankan oleh pihak bebas yang mungkin merangkumi semakan kualiti atau jaminan luaran.

Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman

Pelan Tahunan dan KPI (Petunjuk Prestasi Utama) CGRM disemak dan diluluskan oleh ARMC dan Lembaga Pengarah, manakala hasil audit dimaklumkan dan dilaporkan secara berkala kepada pihak Pengurusan dan ARMC. Semua fungsi audit dalaman sepanjang tahun dilaksanakan oleh Jabatan CGRM berdasarkan Dasar dan Prosedur Audit Dalaman yang berpandukan *International Professional Practices Framework* (IPPF) oleh *Institute of Internal Auditors* (IIA) serta Rangka Kerja *Committee of Sponsoring Organizations of the Treadway Commission* (COSO), termasuk memastikan kakitangan audit dalaman bebas daripada sebarang hubungan atau konflik kepentingan yang boleh menjejaskan objektiviti dan kebebasan mereka. Tiada sebarang penjejasan terhadap kebebasan kakitangan CGRM dikenal pasti oleh ARMC pada tahun 2025.

Sepanjang tahun tersebut, fungsi audit dalaman telah menjalani Semakan Penilaian Kualiti terhadap keberkesanan fungsi audit dalaman yang merangkumi kedudukan fungsi, tenaga kerja dan proses, termasuk semakan fail projek audit bagi memastikan pematuhan terhadap *International Standards for the Professional Practice of Internal Auditing* dan Kod Etika IIA. Hasil semakan tersebut telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko pada 26 Jun 2025 dan mendapati bahawa aktiviti audit dalaman Ekuinas secara amnya mematuhi Standard dan Kod Etika berkenaan, dengan beberapa ruang penambahbaikan kecil dikenal pasti dalam amalan audit dalaman tertentu.

AKTIVITI PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Syarikat merupakan panduan praktikal bagi proses berterusan untuk mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko-risiko utama yang dihadapi Syarikat dalam mencapai objektif dan strateginya. Keberkesanan rangka kerja mitigasi risiko disemak dan ditambah baik secara sistematik serta berkala apabila perlu.

Syarikat telah mengenal pasti empat kategori risiko di peringkat Ekuinas dan syarikat portfolio. Keempat-empat kategori risiko ini tidaklah menyeluruh, namun ia menyediakan asas bagi mengenalpasti dan mengklasifikasi risiko, dengan risiko berkaitan pelaburan dianggap sebagai risiko perniagaan paling kritikal dalam Syarikat. Pada tahun 2024, Ekuinas telah memperluaskan aktiviti pelaburannya ke dalam bidang kredit persendirian dan memulakan aktiviti operasinya.

RISIKO EKUINAS (SYARIKAT)

Strategi	Pelaburan/ Kredit Langsung	Program Penyumberan Luar (OFM)	Operasi
• Persekitaran Luaran • Pembiayaan • Peraturan • Pihak Berkepentingan	• Sumber dan Penilaian Urus Niaga • Prestasi dan Pengurusan Pelaburan/ Kredit • Objektif Bukan Kewangan	• Pemilihan OFM • Prestasi OFM • Pengurusan OFM	• Modal Insan • Perbendaharaan • Pengurusan dan Pelaporan Kewangan • Pematuhan • Perkhidmatan Sokongan Bersama • Rasuah dan Penyelewengan

RISIKO SYARIKAT PORTFOLIO

Strategik dan Pasaran	Perniagaan dan Kewangan	Pelaksanaan Penciptaan Nilai Strategik	Operasi
• Persekitaran Luaran • Industri • Kerajaan dan Peraturan	• Operasi Perniagaan • Capex dan Pelaburan • Leveraj/Hutang	• Pengembangan Perniagaan • Penggabungan dan Pengambilalihan	• Modal Insan • Sistem dan Proses IT • Pengurusan dan Pelaporan Kewangan • Rasuah dan Penyelewengan

Semua risiko utama yang dikenal pasti kemudiannya dinilai dan diberi keutamaan secara individu berdasarkan parameter potensi impak dan kebarangkalian yang ditetapkan dalam Rangka Kerja Penarafan Risiko. Melalui perbincangan bersama pihak Pengurusan, inisiatif utama bagi mengurangkan risiko-risiko tersebut dikenal pasti dan dilaksanakan.

Proses ini dilaksanakan sekurang-kurangnya setiap suku tahun dengan mengenal pasti risiko perniagaan baharu, menyemak risiko sedia ada serta memantau keberkesanan langkah mitigasi yang telah dikenal pasti.



STRATEGI PENGURANGAN RISIKO

Inisiatif pengurangan risiko dirangka berdasarkan empat strategi utama iaitu mengelak, mengurangkan, memindahkan atau menerima risiko melalui pelaksanaan proses kawalan dalaman dan/atau dasar selaras dengan selera risiko organisasi. Sebagai contoh, proses membuat keputusan pelaburan Syarikat adalah berdasarkan parameter pelaburan yang ditetapkan menerusi Rangka Kerja Pelaburan Syarikat bagi memastikan urus niaga yang disaring dan dilaksanakan berada dalam kriteria pelaburan utama serta sektor keutamaan yang ditetapkan.

Rangka Kerja Pelaburan turut mengintegrasikan pengurusan risiko melalui semakan risiko yang ketat, dengan setiap pelaburan tertakluk kepada penelitian menyeluruh bagi memastikan ia selaras dengan fokus strategik Syarikat, kadar pulangan serta meliputi semua faktor risiko yang berkaitan seperti risiko industri dan pelaksanaan. Selain itu, Lembaga Pengarah mensyaratkan supaya semua cadangan pelaburan yang dikemukakan kepada Lembaga disertakan dengan penilaian risiko yang komprehensif berserta strategi pengurangan risiko yang dicadangkan oleh pihak Pengurusan.

Risiko strategik diurus melalui pemantauan berterusan dan berkala terhadap petunjuk ekonomi utama, prospek industri dan perkembangan kawal selia, di samping penglibatan serta sesi kemas kini berkala bersama pihak Kerajaan.

Bagi mengurus risiko kewangan, dasar perbendaharaan dan had kuasa kewangan Syarikat didokumentasi, disemak secara berkala dan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah. Dasar yang diluluskan menetapkan parameter bagi pengurusan kecairan, risiko pihak balas dan pembiayaan Syarikat. Sebarang risiko kewangan yang signifikan seperti kecairan, leveraj, hutang bersih dan pendedahan kredit akan dikenal pasti, dinilai, ditangani dan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah secara berkala.

Diakui bahawa risiko operasi tidak dapat dihapuskan sepenuhnya dan kos untuk meminimumkannya mungkin melebihi potensi manfaat yang diperoleh. Sehubungan dengan itu, Syarikat mengurus risiko operasi dengan melaksanakan dasar dan prosedur operasi standard, rangka kerja pelaporan berkala yang merangkumi pelaporan operasi dan kewangan serta, jika perlu, mendapatkan perlindungan insurans bagi memitigasi potensi risiko.

Sebagai sebahagian daripada pengurusan risiko berterusan bagi Risiko Rasuah dan Penyelewengan, penilaian terhadap risiko rasuah dan penyelewengan dimasukkan sebagai sebahagian daripada proses serta pelaporan pengurusan risiko Syarikat. Bidang-bidang yang berpotensi berlaku rasuah dan penyelewengan dikenal pasti dan risikonya dikurangkan melalui kawalan sedia ada serta inisiatif baharu seperti memperkukuh dasar berkaitan Antirasuah dan Antipenyelewengan, mengendalikan taklimat kepada kakitangan dan melaksanakan program kesedaran secara berkala.

Proses-proses berterusan ini telah dilaksanakan sepanjang tahun kewangan yang ditinjau dan sehingga tarikh kelulusan Penyata ini.

PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERNIAGAAN (BCM)

Syarikat komited untuk memulihkan dan mengekalkan kesinambungan operasi Syarikat sekiranya berlaku bencana atau krisis melalui program BCM yang berkesan bagi mengekalkan keyakinan pihak berkepentingan dan melindungi reputasi Syarikat berpandukan Dasar BCM yang telah ditetapkan.

MEMASTIKAN KECUKUPAN DAN KEBERKESANAN SISTEM

Lembaga Pengarah komited sepenuhnya untuk mengekalkan struktur dan persekitaran kawalan yang kukuh bagi memastikan operasi Syarikat dijalankan dengan sewajarnya. Antara proses utama yang telah diwujudkan bagi menyemak kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman adalah seperti berikut:-

Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman

- **Jawatankuasa Lembaga Pengarah**

  Bagi menggalakkan tadbir urus korporat dan ketelusan, selain Lembaga Pengarah, Syarikat telah menubuhkan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran, Jawatankuasa Pelaburan, Jawatankuasa CSR dan Jawatankuasa Kredit Persendirian. Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga ini ditubuhkan untuk membantu Lembaga Pengarah menyediakan pengawasan bebas terhadap pengurusan Syarikat dengan tanggungjawab dan kuasa yang dinyatakan dengan jelas dalam Terma Rujukan masing-masing.

- **Rangka Kerja Dasar dan Prosedur Operasi Standard (SOP)**

  Prosedur bertulis bagi proses-proses utama dalam Syarikat didokumentasikan, dilaksanakan dan disampaikan oleh pihak Pengurusan kepada kakitangan selaras dengan Rangka Kerja Dasar dan SOP yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah bagi memastikan prinsip atau mekanisme kawalan dalaman diterapkan dalam operasi Syarikat. Sepanjang tahun tersebut, Syarikat telah melaksanakan semakan terhadap dasar perolehan dan prosedur operasi standard bagi memperkukuh kawalan dalaman selaras dengan amalan semasa, di samping semakan terhadap Terma Rujukan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko untuk memberikan penjelasan yang lebih jelas mengenai peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko serta Lembaga Pengarah.

  Selain itu, Dasar dan Prosedur Audit Dalaman turut diwujudkan susulan saranan yang timbul daripada Semakan Penilaian Kualiti terhadap fungsi audit dalaman.

Rangka Kerja Dasar dan SOP



PROSES PELABURAN

Nota: Rangka Kerja Pelaburan 1 & 2 telah dimuktamadkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah

PERKHIDMATAN DIKONGSI

KEWANGAN & PERAKAUNAN

Dasar dan/atau Prosedur Operasi Standard Perakaunan meliputi:

- Aset Tetap
- Tunai Runcit (*Petty cash*)
- Dasar dan Prosedur Pelaporan Kewangan
- Belanjawan
- Pembayaran dan Tuntutan
- Garis Panduan Nilai Saksama Portfolio Pelaburan

PERBENDAHARAAN

- Dasar Perbendaharaan dan Prosedur Operasi Standard

PEROLEHAN & PENTADBIRAN

- Dasar Perolehan dan Prosedur Operasi Standard

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)

- Dasar CSR dan Prosedur Operasi Standard

PENGURUSAN PIHAK BERKEPENTINGAN

- Dasar Pengurusan Pihak Berkepentingan dan Prosedur Operasi Standard

SUMBER MANUSIA (HR)

Dasar dan/atau Prosedur Sumber Manusia meliputi:

- Pengurusan Gaji
- Latihan & Pembangunan
- Perekrutan & Perancangan Modal Insan
- Pengurusan Prestasi & Ganjaran
- Pelan Pengekalan Jangka Panjang
- Pengurusan Bakat
- Hubungan Kakitangan

PERUNDANGAN

- Dasar Undang-undang dan Prosedur Operasi Standard

M.I.S

- Dasar IT dan Prosedur Operasi Standard

KOMUNIKASI

- Dasar Komunikasi dan Prosedur Operasi Standard

DASAR PENDEDAHAN

- Dasar Pendedahan dan Rangka Kerja Pendedahan

- **Kod Etika Perniagaan**

  Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan menetapkan hala tuju utama bagi tingkah laku korporat dan tadbir urus korporat. Kod Etika Perniagaan telah diformalkan dan diterima pakai untuk Pengarah dan Kakitangan bagi menggalakkan standard tingkah laku yang tinggi dan seragam dengan amalan perniagaan beretika. Semua Pengarah dan Kakitangan dikehendaki memahami Kod masing-masing serta mengakui dan menandatangani borang deklarasi berkaitan.

- **Kod Tatakelakuan Penyedia Perkhidmatan**

  Syarikat percaya bahawa hubungan dengan penyedia perkhidmatan hendaklah berasaskan prinsip integriti, kejujuran dan akauntabiliti serta menentang sekeras-kerasnya sebarang bentuk rasuah atau penyelewengan. Selaras dengan objektif ini, Kod Tatakelakuan Penyedia Perkhidmatan mewajibkan semua penyedia perkhidmatan utama termasuk perunding, penasihat profesional dan pembekal utama untuk mematuhi Kod ini ketika menjalankan urusan perniagaan dengan Ekuinas. Kegagalan berbuat demikian boleh membawa kepada penamatan perkhidmatan dan sekatan terhadap sebarang urusan atau perkhidmatan pada masa hadapan.

- **Had Kuasa yang Didokumentasikan**

  Had Kuasa yang diluluskan diguna pakai ke atas pihak Pengurusan berhubung operasi harian, keputusan pelaburan serta pemerolehan dan pelupusan aset sebagai langkah kawalan bagi meminimumkan sebarang risiko penyalahgunaan kuasa.

- **Dasar Pencegahan Penipuan, Antirasuah dan Antipenyelewengan (ABC) serta Pemberitahuan Maklumat**

  Bagi memperkukuh budaya etika perniagaan dan tadbir urus yang baik di seluruh Syarikat, Dasar Pemberi Maklumat telah diwujudkan bagi menyediakan saluran yang mudah diakses oleh kakitangan untuk melaporkan, dengan niat baik, sebarang salah laku yang disyaki. Dasar ini mencerminkan komitmen Syarikat terhadap integriti dan tingkah laku beretika sambil memupuk dan mengekalkan persekitaran di mana kakitangan boleh bertindak sewajarnya tanpa bimbang terhadap sebarang hukuman. Dasar-dasar ini disemak secara berkala dan semakan terakhir telah dilaksanakan pada tahun 2023.

- **Kawalan Pelaburan**

  Wakil kanan Ekuinas dilantik menganggotai jawatankuasa pengurusan eksekutif dan lembaga pengarah syarikat portfolio bagi mengambil bahagian secara aktif dalam hala tuju strategik, proses membuat keputusan utama dan bidang operasi utama.

  Di samping mengekalkan hubungan baik dengan pihak pengurusan syarikat portfolio, Ekuinas turut terlibat dalam proses operasi utama bagi inisiatif penciptaan nilai serta menggalakkan amalan tadbir urus dan amalan terbaik di syarikat-syarikat portfolio.


  Ekuinas juga menyediakan dana kepada Pengurus Dana Penyumberan Luar (OFM) pihak ketiga yang melaksanakan pelaburan bagi pihak Ekuinas. Walau bagaimanapun, Ekuinas tidak mempunyai pengaruh terhadap operasi mereka dan kepentingan kawalan dalam syarikat yang dilabur oleh OFM tersebut. Oleh itu, entiti berkenaan tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada kumpulan dalam pelaksanaan sistem kawalan dan tertakluk kepada amalan pengurusan risiko serta kawalan dalaman masing-masing.

Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman

PELAPORAN PENGURUSAN RISIKO

Proses Pelaporan Pengurusan Risiko merangkumi penilaian risiko, penilaian terhadap keberkesanan kawalan sedia ada serta keperluan kawalan tambahan bagi memitigasi risiko untuk Syarikat dan semua syarikat portfolio. Elemen-elemen utama proses tersebut adalah seperti berikut:-

Pendekatan Penilaian Risiko



Melalui pelaporan berstruktur dan pemantauan berkala, sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman disemak bagi memastikan tindakan pembetulan yang sewajarnya diambil terhadap sebarang kelemahan ketara yang dikenal pasti. Sepanjang tahun tersebut, Lembaga Pengarah tidak mengenal pasti sebarang kelemahan material yang tidak ditangani dengan sewajarnya atau memerlukan tindakan pembetulan lanjut.

Kecukupan Sistem Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Lembaga Pengarah telah menerima jaminan daripada Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan Ketua Pegawai Kewangan & Strategi (CFSO) bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Syarikat beroperasi secara mencukupi dan berkesan dalam semua aspek material bagi tahun kewangan yang ditinjau dan sehingga tarikh kelulusan Penyata ini.

Semakan Penyata oleh Juruaudit Luar

Juruaudit luar telah menyemak Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman ini untuk dimasukkan ke dalam Laporan Impak bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025.

Berdasarkan prosedur yang dilaksanakan, juruaudit luar telah melaporkan kepada Lembaga Pengarah bahawa mereka tidak menemui sebarang perkara bercanggah yang menyebabkan mereka percaya bahawa Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman (SORMIC) yang akan dimasukkan ke dalam Laporan Impak tidak disediakan dalam semua aspek material, selaras dengan keperluan pendedahan yang ditetapkan di bawah perenggan 41 dan 42 Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman: Garis Panduan untuk Pengarah Penerbit Tersenarai, atau bahawa SORMIC tersebut mengandungi sebarang ketidaktepatan fakta yang material.

Semakan jaminan terhad ini dilaksanakan selaras dengan Panduan Amalan Audit dan Jaminan (AAPG) 3 – Panduan untuk Juruaudit mengenai Penglibatan untuk Melaporkan Kenyataan mengenai Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman yang disertakan dalam Laporan Impak yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia. AAPG 3 tidak mensyaratkan juruaudit luar untuk mempertimbangkan sama ada SORMIC meliputi semua risiko dan kawalan, atau untuk memberikan pendapat mengenai kecukupan dan keberkesanan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Syarikat, termasuk penilaian dan pandangan oleh Lembaga Pengarah serta pihak Pengurusan mengenainya.

KESIMPULAN

Bagi tahun kewangan yang ditinjau sehingga tarikh kelulusan Penyata ini, Lembaga Pengarah berpendapat bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman bagi Syarikat adalah kukuh dan mencukupi untuk melindungi keutamaan pihak berkepentingan. Pandangan ini dibuat berdasarkan semakan, maklumat dan jaminan yang diberikan, serta fokus berterusan yang ditunjukkan oleh Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan terhadap langkah-langkah untuk melindungi dan meningkatkan nilai pihak berkepentingan serta kemampanan perniagaan.

Penyata ini dibuat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 13 April 2026.





www.ekuinas.com.my

Ekuiti Nasional Berhad

Level 16, Surian Tower,
No. 1, Jalan PJU 7/3,
Mutiara Damansara,
47810 Petaling Jaya,
Selangor.

Tel : +603 7710 7171
Fax : +603 7710 7173